

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. K:

No Perolehan:

Tarikh: 9/9/82

PENGALAMAN MASALALU: KESAN TERHADAP PROSES  
PEMULIHAN

(KAJIAN KES TAMAN SERI PUTERI REMBAU N. SEMBILAN)

GHAZALI BIN OTHMAN  
(NO. METRIK: 045731)

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1986/87

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan satu penelitian ke atas keberkesanan proses pemulihan dengan membuat penekanan kepada pengaruh pengalaman masalalu. Kajian ini dijalankan di Taman Seri Puteri Rembau, Negeri Sembilan.

Dalam bab I, menyentuh tentang tujuan dan bidang kajian, kepentingan kajian, kaedah penyelidikan, sample, responden pengkaji dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa membuat kajian.

Bab II, memperkatakan mengenai teori dan konsep yang digunakan untuk kajian ini. Ia meliputi teori-teori sosiologi dan psikologi, model-model pembetulan, konsep pengalaman masalalu dan pemulihan serta program pemulihan dan rawatan yang disediakan oleh pusat ini.

Bab III, perbincangan pengkaji berkisar tentang kedudukan latarbelakang pusat dan pengalaman penghuni pada masalalu. Pengalaman tersebut dilihat dari aspek keluarga, kedudukan ekonomi keluarga, persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan sebaya dan pekerjaan diikuti kemudian oleh pengalaman semasa diperingkat undang-undang. Dalam bab ini pengkaji mendedahkan segala bentuk ciri-ciri yang boleh menimbulkan sesuatu pengalaman yang negatif bagi penghuni.

Bab IV, berkisar kepada pengalaman penghuni pusat ini ketika menempuh proses pemulihan. Implikasi-implikasi yang kemungkinan lahir daripada corak jalinan hubungan diantara penghuni dengan kakitangan, penama dengan penama dan kepatuhan penama kepada peraturan serta program pemulihan.

Bab V pula, merupakan rumusan kepada segala perbincangan, kedudukan penama kesan dari proses pemulihan, kelemahan-kelemahan institusi terutama di dalam membentuk pengalaman baru yang positif dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menutup kekurangan tersebut.

---

DAFTAR KANDUNGAN

Muka\_Surat

|                                   |       |       |       |       |       |      |
|-----------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|------|
| PENGHARGAAN                       | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | i    |
| SINOPSIS                          | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | iii  |
| DAFTAR KANDUNGAN                  | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | v    |
| SENARAI JADUAL                    | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | vii  |
| SENARAI GAMBARAJAH                | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | viii |
| .                                 |       |       |       |       |       | .    |
| BAB I: PENDAHULUAN                | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 1    |
| 1.1 Pengenalan                    | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 1    |
| 1.2 Tujuan Kajian                 | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 3    |
| 1.3 Skop Atau Bidang Kajian       | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 4    |
| 1.4 Kaedah Penyelidikan           | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 5    |
| 1.5 Sample                        | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 9    |
| 1.6 Responden Pengkaji            | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 10   |
| 1.7 Kesulitan Dalam Kajian        | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 16   |
| .                                 |       |       |       |       |       | .    |
| BAB II: TEORI DAN KONSEP          |       |       |       |       |       | 18   |
| 2.1 Pengenalan                    |       |       |       |       |       | 18   |
| 2.2 Teori-Teori Sosiologi         | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 20   |
| 2.3 Teori-Teori Psikologi         | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 23   |
| 2.4 Model-Model Pembetulan        | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 29   |
| 2.5 Konsep Pengalaman             | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 37   |
| 2.6 Konsep Pemulihan              | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 40   |
| 2.7 Program Pemulihan Dan Rawatan | ..... | ..... | ..... | ..... | ..... | 42   |

|   |      |      |
|---|------|------|
| BAB III: LATARBELAKANG INSTITUSI DAN PENGALAMAN PENGHUNI    | .... | 51   |
| 3.1 Latarbelakang Institusi                                 | .... | 51   |
| 3.2 Pengalaman-Pengalaman Masalalu Penghuni                 |      | 62   |
| (a) Keluarga  | .... | 63   |
| (b) Kedudukan Ekonomi Keluarga                              | .... | 70   |
| (c) Pencapaian Pendidikan                                   | .... | 74   |
| (d) Persekutuan Tempat Tinggal                              | .... | 77   |
| (e) Pengaruh Rakan Sebaya Dan Pekerjaan                     |      | 79   |
| (f) Pengalaman Semasa Proses Undang-Undang                  | .... | 88   |
| BAB IV: PENGALAMAN PENAMA MELALUI PROSES PEMULIHAN          | .... | 92   |
| 4.1 Pengenalan  | .... | 92   |
| 4.2 Jalinan Hubungan Penama Dengan Kakitangan Pemulihan     | .... | 94   |
| 4.3 Corak Perhubungan Penama Dengan Penama                  |      | 100  |
| 4.4 Kepatuhan Penama Kepada Peraturan Dan Program Pemulihan | .... | 102  |
| 4.5 Pengalaman Kerosakan Akhlak Melalui Pemulihan           | .... | 108  |
| BAB V: PENILAIAN DAN PENUTUP                                | .... | 111  |
| 5.1 Kategori Penama Kesan Dari Proses Pemulihan             | .... | 112  |
| 5.2 Kelemahan Institusi Membentuk Pengalaman Positif        | .... | 117  |
| 5.3 Penutup   | .... | 118  |
| BIBLIOGRAFI   | .... | 119  |
| LAMPIRAN  | .... | 123- |
|   |      | 126  |

**SUSUNAN\_JADUAL-JADUAL DI DALAM  
LATIHAN ILMIAH INI**

| Bil.<br>Jadual | <u>Senarai Jadual</u>                                    | Muka<br>Surat |
|----------------|--|---------------|
| 1              | Bangsa Dan Peringkat Umur Responden                      | 10            |
| 2              | Negeri Asal Responden                                    | 11            |
| 3              | Bilangan Responden Dan Jenis Kesalahan                   | 12            |
| 4              | Status Perkahwinan Ibubapa dan Penjaga Penama            | 68            |
| 5              | Jalinan Hubungan Antara Ahli-Ahli Keluarga               | 68            |
| 6              | Pekerjaan Dan Pendapatan Bapa/Penjaga                    | 73            |
| 7              | Pekerjaan Dan Pendapatan Ibu/Penjaga                     | 73            |
| 8              | Tahap Persekolahan Dan Sebab-Sebab Berhenti              | 76            |
| 9              | Kawasan Kediaman Asal Penama Menurut Etnik               | 78            |
| 10             | Jenis Pekerjaan Dan Cara Memperolehinya                  | 81            |
| 11             | Kediaman Penama Semasa Diberkas                          | 83            |
| 12             | Jalinan Hubungan Penama Dengan Kakitangan                | 99            |
| 13             | Darjah Minat Terhadap Program Pemulihan Yang Disertai    | 103           |
| 14             | Perasaan Penama Ketika Berada Di Pusat                   | 106           |
| 15             | Penama Yang Melarikan Diri (1985)                        | 106           |
| 16             | Rancangan Penama Selepas Dibebaskan                      | 113           |
| 17             | Jalinan Hubungan Penama-Ibubapa/Penjaga Semasa Pemulihan | 115           |

SUSUNAN GAMBARAJAH-GAMBARAJAH DI DALAM  
LATIHAN ILMIAHINI

| Bil.<br>Jadual | Senarai Jadual   | Muka<br>Surat |
|----------------|--|---------------|
| 1              | Lapan Bentuk Krisis Dan Tingkat-Tingkat Kehidupan Oleh Erik H. Erikson | 24            |
| 2              | Model-Model Pembetulan   | 34            |
| 3              | Perubahan Tingkat Pengalaman   | 37            |
| 4              | Proses Hubungan Dalam Kaunseling                                       | 49            |
| 5              | Perkhidmatan Bersepadu Ke Arah Proses Pemulihan                        | 61            |
| 6              | Kesan Tekanan (Stress) Terhadap Personaliti Individu                   | 87            |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Keruntuhan moral atau akhlak dikalangan remaja masakini semakin hangat diperkatakan. Berbagai-bagai saranan dan teguran telah dikemukakan bagi menerangkan mengapa ianya terjadi dan bagaimana cara-cara membasmikan masalah ini. Walaupun setiap masyarakat mempunyai struktur kawalan sosial melalui norma-norma yang menjadi jangkaan, tetapi masih ada sebilangan ahli-ahlinya yang cuba melarikan diri dari kawalan tersebut. Atau dengan lain perkataan melenceng kepada perlakuan yang dianggap devian. Misalnya, 'pelacuran' dan perlakuan sumbang merupakan pelanggaran norma masyarakat yang sering mendapat tempat di dalam berbagai-bagai perbincangan; tetapi sejauh manakah tindakan atau langkah telah diambil untuk mengawal atau mencegahnya ?

Bersesuaian dengan masalah ini kerajaan telah menggariskan beberapa bentuk undang-undang yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan kesalahan-kesalahan yang menglibatkan sexual. Undang-undang itu seperti;

- (a) Women and Girls Protection Act, 1973.
- (b) Minor Offences Ordinance, 3/55.
- (c) Registration of Guests Act, 1965
- (d) Immigration Act, 1959/63.

- (e) Licensing of Massage Parlours.
- (f) Restricted Residence Enactment, cap. 39.

(Cheah Koon Lin; 1982 : 29)

Bagi masyarakat Islam pula perbuatan seperti ini boleh dianggap dan diistilahkan sebagai 'khalwat' dan 'zina', ini disebabkan takrif 'pelacuran' itu masih dipersoalkan.

Di sini kajian pengkaji hanya terbatas kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 sebagai tumpuan. Bersesuaian dengan akta tersebut beberapa buah pusat perlindungan telah didirikan di bawah kelolaan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Pusat-pusat perlindungan itu ialah;

- (a) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Ceras, Selangor.
- (b) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, K. Terengganu.
- (c) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis. Bt. Gajah
- (d) Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Rembau

Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah membina pusat seumpamanya di Sabah dan Miri, Sarawak.

Pusat perlindungan tersebut bukan sahaja melindungi mereka daripada gejala-gejala keruntuhan akhlak, malah berfungsi sebagai institusi pemulihan dan rawatan. Proses pemulihan dilaksanakan berpandukan seksyen 6, Akta

## Perlindungan Wanita dan Gadis (Penempatan & Keselamatan)

(Cheah Koon Lin; 1982 : 59-64)

### 1.2 Tujuan\_Kajian

Masalah sosial yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak pada hakikatnya dihadapi oleh setiap masyarakat. Perbedaan hanya dapat dilihat daripada segi kadarnya sahaja. Di dalam menganalisa mengapa seseorang individu melakukan sesuatu yang bertentangan atau melanggar norma-norma sosial dan undang-undang banyak angkubah-angkubah yang terlibat seperti kelemahan kawalan sosial diperingkat awalan dan secondary, tekanan-tekanan dalaman dan luaran serta sebagainya.

Pengkaji melalui kajian ini akan memberi tumpuan kepada angkubah-angkubah tertentu yang boleh mempengaruhi pembentukan tingkahlaku penama pada masa lalu. Tindak-tanduk penama diandaikan lanjutan dari pengalaman-pengalaman masa lalu. Seterusnya dari pengaruh pengalaman-pengalaman tersebut pengkaji akan cuba menghubungkan dengan keberkesanan proses pemulihan dan sejauh manakah pembentukan satu set pengalaman baru yang positif dapat terbina dari proses pemulihan itu.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada masalah yang dihadapi oleh penama ada mempunyai hubungan dengan pengamatan mereka terhadap kakitangan, program dan latihan yang disertai dan institusi itu secara keseluruhan.

Oleh itu kajian akan berkisar kepada persoalan pokok iaitu adakah 'pengalaman' akan membantu atau menyulitkan proses pemulihan.

### 1.3 Skop atau Bidang Kajian

Kajian ini telah dilakukan bertempat di Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Rembau, Negeri Sembilan. Memandangkan bidang kajian hanya tertumpu kepada para penghuni ini, perkhidmatan pemulihan dan kakitangan institusi yang terlibat, maka pengkaji akan meninjau aspek-aspek yang berkaitan dengan elemen-elemen berkenaan sahaja. Pengkaji memilih wanita yang telah dianggap mengalami kerosakkan moral bagi memenuhi kajian ini adalah kerana ia merupakan satu persoalan yang menarik untuk diperbincangkan dari berbagai sudut.

Bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu; 'pengalaman masa lalu kesannya terhadap proses pemulihan', maka responden yang terlibat dalam lingkungan 14 tahun hingga 21 tahun yang sedang ditahan dipusat berkenaan.

Bidang kajian juga akan diberi perhatian terhadap jenis program yang diatur untuk tujuan pemulihan. Di samping itu memerhati dan menganalisa penglibatan penghuni dan kakitangan dalam menjayakannya. Pengkaji juga akan meninjau sikap responden mengenai program yang disertai dan menghubungkannya dengan pengalaman lepas mereka.

#### 1.4 Kaedah Penyelidikan

Dalam proses mengumpulkan data-data dan maklumat pengkaji telah mengambil masa lebih kurang sebulan untuk menyelesaikan kajian ini (kerja lapangan). Semasa menjalankan kajian pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan bagi memperolehi data dan maklumat yang lengkap dan tepat. Kaedah kajian merupakan salah satu aspek yang utama semasa melakukan sesuatu penyelidikan yang menglibatkan keadaan atau permasalahan sosial. Pengkaji di dalam menghadapi keadaan seperti ini perlu menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai bagi berhadapan dengan responden yang berbagai ragam.

Memandangkan persoalan yang ingin diselidiki boleh menimbulkan reaksi yang berbagai rupa dari responden, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah tertentu bagi mendapatkan data-data dan maklumat yang baik dan jelas. Kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan adalah seperti berikut ;

##### (a) Soal Selidik

Pengkaji menggunakan kaedah ini dengan mengemukakan soalan-soalan yang telah diatur sesuai dengan matlamat kajian iaitu kesan pengalaman masa lalu ke atas proses pemulihhan. Terdapat beberapa bentuk soalan yang disusun seperti soalan berbentuk tertutup, terbuka dan secara lapuran bertulis.

Soalan berbentuk tertutup mengandungi soalan yang berkaitan dengan latarbelakang responden seperti umur, taraf pelajaran, bilangan ahli keluarga dan sebagainya. Pengkaji telah menyusun beberapa pilihan jawapan di dalam satu-satu soalan yang diberikan dan responden hanya memilih satu jawapan sahaja. Ini sesuai dengan pendapat Festinger dan Katz yang menyatakan,

"The possible response are contained in the questions so that the respondent merely has to select the category which comes closest to his position." (Festinger dan Katz: 1966:356)

Pengkaji juga telah menggunakan cara 'schedule methode'. Di mana pengkaji akan menanyakan soalan dan seterusnya menulis jawapan yang diberikan oleh responden. Setiap bentuk soalan yang dikemukakan adalah sama bagi setiap responden seperti yang dinyatakan oleh Goode dan Halt,

"The two from obviously have much in common particularly the fact that in both cases the working if the question is the same for all responde." (Goode dan Halt: 1952:133)

Langkah ini diambil oleh pengkaji memandangkan bahawa kebanyakan responden terdiri dari berbagai bangsa yang lemah berbahasa Malaysia dan Inggeris, buta huruf dan tidak tahu menulis. Menerusi kaedah ini pengkaji dapat memberi penerangan atau penjelasan mengenai satu-satu soalan yang tidak difahami. Dengan cara ini dapat mengurangkan masalah pengkaji ketika menganalisa data serta jawapan-jawapan responden tidak bercanggah dengan kehendak soalan.

(b) Pemerhatian

Kaedah ini merupakan cara yang menitikberatkan keupayaan pengkaji membuat penelitian dan penilaian tentang segala aspek yang bersangkut-paut dengan kajian. Ini termasuk aktiviti, pergerakan responden dan kakitangan di dalam pusat ini dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Menurut Sellitis kaedah pemerhatian penting sebagai alat kajian yang saintifik. (Sellitis: 1959:200)

Di samping itu pengkaji secara tidak langsung memperolehi pelbagai bentuk kelakuan dan keterangan lanjut tentang keadaan subjek yang dikaji untuk tujuan diskriptif.

Kajian yang mempunyai matlamat empirikal memerlukan satu set perlakuan subjek. Untuk itu kaedah ini disertakan bagi menguatkan lagi kebenaran jawapan yang diberikan. Melalui kenyataan Karl Wrück dapat memperjelaskan lagi matlamat kaedah pemerhatian.

"The selection, provocation, recording and encoding of the set of behaviors and setting concerning organisme 'in-situ' which is consisted with empirical aim." (K. Wrück: 1968:360)

(c) Temubual

Bagi kaedah ini temubual dijalankan dalam dua bentuk iaitu formal dan informal. Semasa pengkaji menanyakan soalan (soal selidik) secara tidak disedari temubual berbentuk formal telah berlaku.

Temubual formal ini hanya bagi responden sahaja kerana mereka dilarang bertemu tanpa mendapat kebenaran. Mungkin juga pengkaji tidak diberi peluang menyertai mereka di dalam sesuatu aktiviti atau program yang diadakan semasa melakukan kajian.

Di sini temubual informal pula hanya satu pihak sahaja iaitu kakitangan institusi ini. Cara ini penting kerana pengkaji dapat memperolehi maklumat dan data yang cuba disembunyikan oleh responden. Pengkaji telah menjalankan kaedah ini bagi setiap peringkat kakitangan yang bertugas di pusat tersebut.

(d) Rujukan\_Kepada\_Bahan-Bahan\_Terkumpul

Methode ini telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang sesuai dengan kajian ini. Pengkaji memerlukan beberapa bahan rujukan tambahan dengan tujuan mendapatkan sedikit sebanyak pengetahuan tentang teori dan konsep yang sesuai untuk digunakan di dalam latihan ilmiah ini.

Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam dua peringkat dan masa iaitu sebelum 'kerja lapangan' dan selepas 'kerja lapangan' itu. Pada peringkat awal sebelum 'kerja lapangan' pengkaji memerlukan selepas 'kerja lapangan' kaedah ini digunakan untuk memberi satu gambaran yang lebih jelas atau membuat perbandingan dengan kajian-kajian sebelum ini.

### 1.5 Sample

Dalam menjalankan kajian mengenai keruntuhan akhlak adalah sukar dilakukan di dalam sesebuah masyarakat. Ini berdasarkan kepada beberapa masalah dan kesulitan seperti sukar untuk mengenali perempuan yang rosak akhlaknya, kekurangan masa, tenaga dan kewangan. Pengkaji berpendapat kajian sebegini tidak akan menghasilkan analisa yang memuaskan kerana data-data yang dikumpul belum tentu dapat mewakili satu keseluruhan dan menepati dengan matlamat kajian. Oleh itu pengkaji telah memilih penghuni-penghuni Pusat Perlindung Wanita dan Gadis Rembau sebagai sample pengkaji. Dengan itu diharapkan hasil penyelidikan ini akan dapat mewakili apa yang dianggap sebagai satu keseluruhan.

Pemilihan penghuni-penghuni pusat tersebut berdasarkan kepada penglibatan mereka secara terusdi dalam perlakuan yang menjatuhkan akhlak atau dipercayai terdedah kepada masalah itu. Berpandukan kepada faktor itu pengkaji tidak akan tersalah memilih responden dalam proses pengumpulan data.

Sepanjang tempuh kajian, pengkaji telah menemuduga 71 orang daripada 112 orang penghuni pusat itu. Keadaan ini berlaku kerana pihak pentadbiran pusat memaklumkan hanya mereka yang ditemuduga sahaja yang dapat memberi maklumat dan data yang diperlukan oleh pengkaji. Pengkaji juga tidak memperolehi maklumat lanjut melalui fail-fail peribadi penama yang dikatakan 'sulit'.

#### 1.6 Responden Pengkaji

Responden pengkaji meliputi tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Mereka berumur dalam lingkungan 14 tahun hingga 21 tahun. Taburan bangsa dan umur responden dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1: Bangsa\_Dan\_Peringkat\_Umur\_Responden

| Bangsa<br>Umur | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|----------------|--------|------|-------|--------|
| 14 - 17 th.    | 8      | 6    | 1     | 15     |
| 18 - 20th.     | 13     | 26   | 4     | 43     |
| 20 th. ke atas | 6      | 7    | -     | 13     |
| Jumlah         | 27     | 38   | 5     | 71     |

Dari jadual itu dapat dilihat bahawa responden berbangsa Cina yang berumur dalam lingkungan 14 tahun hingga 21 tahun merangkumi lebih kurang 54.93 peratus daripada keseluruhan responden. Manakala bagi responden berbangsa Melayu mewakili 38.03 peratus daripada keseluruhan responden. Bagi responden berbangsa India pula hanya 7.04 peratus sahaja.

Jadual di atas juga menunjukan bahawa responden yang berumur di antara 14 tahun hingga 17 tahun melibatkan 21.2 peratus daripada keseluruhan responden. Bagi responden yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun berjumlah 60.6 peratus

dan hanya 18.3 peratus yang berada di peringkat umur 20 tahun ke atas.

(a) Tempat\_Awal\_Responden

Jadual 2, menunjukkan negeri-negeri asal responden. Mereka berasal dari beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia terutamanya negeri-negeri yang berhampiran dengan Negeri Sembilan. Responden yang dari negeri Johor dan Wilayah Persekutuan mempunyai bilangan teramai iaitu 47 orang (66.3 peratus) dari jumlah responden. Bagi responden dari negeri-negeri lain tidak banyak perbedaannya, tetapi terdapat seorang responden berasal dari Kelantan.

Jadual 2: Negeri\_Asal\_Responden

| Negeri         | Bil. | %    |
|----------------|------|------|
| Selangor       | 6    | 8.5  |
| W. Persekutuan | 23   | 32.4 |
| N. Sembilan    | 7    | 9.9  |
| Melaka         | 4    | 5.6  |
| Johor          | 24   | 33.8 |
| Pahang         | 6    | 8.5  |
| Kelantan       | 1    | 1.4  |
| Jumlah         | 71   | 100  |

Pusat perlindungan ini tidak mempunyai responden yang mewakili setiap negeri di Malaysia. Walaupun begitu ia akan dapat memberi gambaran yang jelas pada pengkaji terhadap matlamat kajiannya.

(b) Kesalahan-Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Responden

Berdasarkan jadual 3, dapat dilihat bahawa majoriti responden adalah terdiri dari mereka yang melibatkan diri dengan jenis-jenis pekerjaan yang terdedah kepada bahaya keruntuhan akhlak. Pekerjaan seperti pelacur, tukang urut, pelayan kelab hiburan dan 'callgirl' meliputi 71.9 peratus daripada keseluruhan responden yang ditemuduga. Manakala responden yang bakinya mengalami masalah tidak terkawal oleh penjaga atau ibubapa. Responden ini terdiri daripada mereka yang lari dari rumah, tinggal bersama-sama lelaki bukan muhrim dan salah guna dadah.

Jadual 3: Bilangan Responden Dan Jenis Kesalahan

| Jenis Kesalahan     | Bil. | %    |
|---------------------|------|------|
| Melacur             | 25   | 35.2 |
| Tukang urut         | 13   | 18.4 |
| Pelayan Kelab Malam | 12   | 16.9 |
| Salahguna dadah     | 1    | 1.4  |
| Berkhalwat          | 11   | 15.5 |
| Tidak terkawal      | 8    | 11.3 |
| Callgirl            | 1    | 1.4  |
| Jumlah              | 71   | 100  |

Tingkahlaku sexual salah satu bentuk perlakuan yang paling banyak dan kuat dikawal oleh peraturan-peraturan sosial yang berdasarkan nilai-nilai dan norma-norma sesuatu masyarakat. Berhubung dengan kesalahan melacurkan diri responden dianggap bersalah kerana berada dibawah umur 21

tahun. Ini bermakna sesiapa yang berumur 21 tahun dan ke atas tidak sabit kesalahan di bawah Akta (1973). Walaupun begitu masyarakat masih memandang rendah perhubungan sexual begini terutama masyarakat yang masih berpegang pada nilai tradisi.

Pelacuran secara umumnya mempunyai pengertian yang luas iaitu merupakan pertukaran berbentuk barang atau wang, tanpa mempunyai ikatan emosi yang berpanjangan hasil daripada perkhidmatan sexual. (Sanford & Jeremy: 1977:30). Berdasarkan pengertian itu, pelacuran di sini merupakan perhubungan jenis seorang wanita dengan orang yang bukan suaminya dan dengan syarat atau persetujuan kedua-dua pihak atau majikan pelacur itu, untuk bayaran yang menjadi pendapatan atau sebahagian pendapatan wanita pelacur. (Winick, Charles, P. M. Kinsie: 1971:3).

Dari pengertian di atas bererti pelacuran secara sukarela berbeza dengan penjualan diri yang dilakukan secara paksa oleh orang lain atau melalui tipudaya. Mereka yang melanggar norma sosial kerana dipaksa serta tiada mempunyai pilihan lain dan tidak suka melakukan perbuatan itu boleh dikategorikan berbeza dengan pelacur. Ini tercatit di dalam Akta (1973).

Dalam jadual 3 menunjukkan bahawa responden yang terlibat dengan kegiatan pelacuran seramai 25 orang. Dan ini merangkumi 35.2 peratus daripada keseluruhan responden.

Seterusnya responden yang terlibat di dalam pekerjaan sebagai tukang urut meliputi sejumlah 18.4 peratus. Mereka ini pada hakikatnya tidak melanggar undang-undang tetapi bentuk pekerjaan tersebut secara tidak langsung boleh membawa kepada pelacuran dan terdedah kepada bahaya keruntuhan akhlak.

Hal ini terbukti dengan pengakuan beberapa orang responden mengenai kegiatan melacurkan diri selepas mengurut seseorang pelanggan. Bagi mereka dengan cara ini boleh menambahkan 'pendapatan'. Oleh itu rumah urut boleh menjadi pusat dan sebagai batu loncatan untuk menceburkan diri kepada pelacuran sepenuh masa. Walaupun begitu tidak dinafikan ada di antara responden yang dipaksa menjadi tukang urut dan seterusnya melacurkan diri. Kegiatan begini biasa terjadi di rumah-rumah urut yang tidak berlesen.

Selanjutnya responden yang bekerja di kelab-kelab malam, bar, pub, hotel dan seumpamanya yang dianggap oleh pihak berkuasa tidak sesuai bagi wanita atau gadis remaja. Tanggapan ini dibuat kerana pekerjaan seperti 'waitress' di tempat-tempat sedemikian boleh membantu dan memberi kemudahan kepada mereka yang berminat atau tertarik melibatkan diri dengan pelacuran. kadar responden yang terlibat di dalam pekerjaan ini ialah 16.9 peratus.

Jadual itu ada menunjukkan hanya seorang sahaja responden (1.4 peratus) yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Ada kemungkinan responden lain turut terlibat dalam penagihan tetapi telah ditutupi oleh kesalahan-kesalahan yang lebih ketara.

Bagi responden yang ditahan kerana disyaki bersekedudukan dengan lelaki bukan muhrim iaitu 'berkhawat' adalah seramai 11 orang (15.5 peratus) dari jumlah responden. Mereka terdiri dari bangsa Melayu yang berugama Islam. Responden-responden ini telah diserahkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat setelah didapati bersalah oleh Mahkamah Syariah.

Selain dari itu terdapat seramai 8 orang responden yang dikategorikan sebagai tidak terkawal. Responden ini dimasukkan kepusat ini melalui bantuan pihak berkuasa dan kerjasama ibubapa atau penjaga yang merasakan responden perlukan perlindungan dan pemulihan.

Di samping itu terdapat seorang penama atau responden yang melakukan pekerjaan sambilan sebagai 'callgir1' atau 'perempuan panggilan'. Responden mempunyai pekerjaan tetap sebagai seorang kerani tetapi dengan adanya kelebihan bentuk tubuh badan dan wajah yang cantik memberi peluang memperolehi pendapatan sampingan yang lumayan. Walaupun menjadi callgir1 bukan sebagai profession tetapi boleh menarik seseorang wanita muda ke lembah pelacuran.

Setelah melihat jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh responden, maka boleh dibuat andaian bahawa pelencongan wanita dan gadis lebih banyak tertumpu atau bersabit dengan masalah sek. Corak-corak lain tidak begitu ketara di sini. Kajian yang dilakukan oleh Martin Gold mendapati wanita lebih kerap melakukan delinkwensi yang bercorak sek. Walaupun begitu tidak bermakna wanita-wanita tidak terlibat dengan kesalahan dan penyelewengan yang berlainan corak.

#### 1.7 Kesulitan Dalam Kajian

Semasa melakukan kajian, pengkaji telah menghadapi beberapa kesulitan. Pada peringkat awal pengkaji terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri. Di samping itu perlu berulang-alik dari rumah ke tempat kajian sejauh 22 kilometer. Kesulitan seperti ini kadangkala menimbulkan kelewatian di dalam proses untuk mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

Di peringkat awal ini juga pengkaji menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan peraturan-peraturan pusat tersebut, kakitangan dan seterusnya responden yang ter-libat. Penyesuaian pada peringkat ini dirasakan penting untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai aspek-aspek yang hendak dikaji. Sebelum pengkaji dapat menjalankan temuduga dengan responden, pihak pentadbir institusi telah menyediakan sekumpulan penghuni yang dianggap sesuai

dengan kehendak kajian. Ini bermakna pengkaji tidak mempunyai kebebasan di dalam memilih responden yang ingin ditemubual.

Beberapa masalah juga dihadapi apabila menjalankan temubual dengan responden-responden. Masalah-masalah tersebut seperti :

(a) Bahasa

Memandangkan responden yang dipilih terdiri dari pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India ada di antara mereka yang kurang memahami Bahasa Malaysia dan Inggeris. Pengkaji terpaksa dan memerlukan masa yang panjang bagi menerangkan sesuatu soalan yang hendak diutarakan. Masalah pertuturan dan pemahaman bahasa ketara sekali bagi responden Cina dan India. Ini menimbulkan masalah kepada pengkaji untuk memperolehi maklumat dan data yang tepat. Maka timbul pula masalah berikut :

(b) Kesahan

Masalah ini sering terjadi kemungkinan kerana responden menganggap dan bimbang identiti mereka akan didedahkan kepada umum. Dengan itu mereka menggunakan beberapa cara untuk mengelak atau melarikan diri dari menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji.

Lanjutan dari masalah ini responden sering memberi maklumat palsu, enggan bekerjasama dan berpura-pura tidak memahami soalan. Pengkaji di dalam menghadapi masalah ini telah berusaha mendapatkan maklumat lanjutan daripada kaki-tangan institusi itu. Kegagalan pengkaji untuk mendapat kebenaran merujuk fail-fail peribadi responden sedikit sebanyak telah men-jejaskan usaha pengkaji memperolehi maklumat yang tepat dan menilai sikap mereka semasa ditemubual.

(c) Sifat Respondence

Pengkaji menyedari bahawa kajian ini sedikit sebanyak boleh menyentuh perasaan responden. Ini adalah kerana soalan-soalan yang dikemukakan ada di antaranya yang bersifat 'personal'. Keadaan sedemikian boleh menimbulkan rasa tidak senang dan sifat yang agresif responden terhadap pengkaji. Namun begitu pengkaji telah berjaya mengawal masalah ini.

## BAB II

### TEORI DAN KONSEP

#### 2.1 Pengenalan

Satu fenomena sosial yang sering diperkatakan di mana segelintir ahli masyarakat yang cuba menyeleweng dari pada kawalan sosial dapat diperhatikan dengan kajian-kajian yang banyak mengenainya. Punca-punca pelencongan dari norma dan nilai masyarakat ialah satu permasalahan yang sukar untuk dikenalpasti. Oleh itu di dalam usaha menentukan, mengawal dan mengatasi masalah ini pelbagai teori dan pendekatan telah dikemukakan terutama berbentuk psikologi dan sosiologi.

Kemunculan teori-teori ternyata belum mencukupi untuk mengaitkannya dengan kesemua bentuk permasalahan itu. Jadi kedudukan teori-teori belum mempunyai kemantapan, ketegasan dan mutlak di dalam mempunyai berbagai-bagai keperluan dan keinginan yang harus dipenuhi melalui dorongan-dorongan yang berbeza-beza, misalnya sex, ekonomi, emosi dan status yang tidak terbatas. Namun begitu dengan adanya halangan dari norma dan nilai sosial yang menjadi jangkaan melibatkan tidak kesemua keinginan tersebut dapat dipenuhi. Maka bertolak dari sini kemungkinan wujud perlakuan yang tidak sah untuk memperolehi sesuatu.

Di samping itu perlu diingatkan bahawa pengalaman-pengalaman individu juga terlibat secara langsung di dalam menentukan perlakuan.

Keterangan mengenainya akan lebih jelas jika melihat teori-teori psikologikal. Namun begitu teori-teori sosiologikal tidak patut diketepikan kerana ia akan memberi panduan lanjutan tentang permasalahan itu. Pada amnya pengkaji membahagikan teori-teori itu kepada dua iaitu :-

- (a) teori-teori sosiologi
- (b) teori-teori psikologi

## 2.2 Teori-Teori Sosiologi

Di dalam usaha menentukan faktor-faktor yang mendorong dan membolehkan penyelewengan individu kepada perlakuan delinkwensi, beberapa orang ahli criminologi telah mengemukakan teori-teori ini memandangkan setiap individu mempunyai perbedaan di dalam proses penglibatan mereka ke dalam perlakuan delinkwen.

Teori struktur sosial atau Anomei oleh Merton (1967) menyatakan kepincangan yang wujud di dalam masyarakat pada hakikatnya berpunca dari konflik yang terdiri di antara hasrat budaya dan jalinan-jalinan institusi sosial untuk mencapai matlamat melalui tindakbalas yang tidak sah apabila tiada keupayaan atau kekurangan elemen-elemen yang sesuai untuk memperolehi ketentuan yang digariskan oleh masyarakat.

Manakala Cloward dan Ohlin (1962) yang memperkembangkan lagi teori Anomie dengan mengemukakan teori "Differential Opportunity Structure" menegaskan bahawa tarikan dan peluang kearah perlakuan tidak sah mudah mempengaruhi individu yang tiada 'economic marketability of self' (tegahan dalaman). Kelemahan ini dengan mudah mendorong seseorang ke lembah maksiat atau delinkwensi untuk mencapai 'economic independence'.

Menurut teori 'kelainan campuran' pula, oleh E. Sutherland (1924) menyatakan perlakuan jenayah hasil dari pada pembelajaran. Sebahagian besar proses pembelajaran diperolehi dari pergaulan yang rapat dengan kumpulan-kumpulan kecil (sub-group) seperti kawan-kawan, kumpulan sebaya dan lain lain yang mempunyai hubungan dengan kegiatan delinkwensi. Apa yang diperolehi terutamanya dari segi teknik, arah, motif dan tujuan.

Bagi Reckless (1967) dengan teori 'Containment' memberi sebab penyelewengan daripada norma sosial dan undang-undang dalam masyarakat berpunca dari kawalan yang lemah dalam diri individu itu. Kawalan yang dimaksudkan terbahagi kepada dua jenis;

- (a) Kawalan Luaran, berkaitan dengan sanction luaran seperti undang-undang.
- (b) Kawalan dalaman, berkaitan dengan diri individu itu sendiri.

Kelemahan kedua-dua bentuk kawalan sering berkaitan dengan kumpulan-kumpulan primary dan secondary yang gagal membentuk personaliti yang baik untuk seseorang individu.

Menurut Cohen (1962) di dalam teori 'Budaya Kecil Remaja Nakal' memberi hujah bahawa perlakuan jenayah adalah lanjutan dari masalah pencapaian status di kalangan remaja. Setiap masyarakat atau komuniti itu mempunyai struktur dan kriteria tertentu untuk mencapai status yang ditetapkan. Ke- rap berlaku di mana remaja dinafikan statusnya dalam masyarakat apabila tidak dapat memenuhi kriteria tersebut. Penolakan seperti ini kerap menimbulkan tekanan perasaan kepada mereka. Halaman sebegini rupa akan melahirkan perlakuan yang negatif untuk memperolehi apa yang dihajatkan.

Seterusnya Kingley Davis (1940) menyatakan bahawa konflik ibu bapa dan anak-anak adalah akibat daripada 'differential cultural content'. Ini berikutan dari setiap tingkat generasi mengalami pengalaman yang berbeza maka timbul masalah bagi ibubapa untuk mensosialisasikan anak-anak mereka. Menurut Davis;

"Since the parent is supposed to socialise the child, he tends to apply the orthwhile but now appropriate content (of his own day). He makes this mistake, and can't remedy it, because, due to the logic of personality growth, his basic orientation was formed by the experiences of his own childhood. He can't 'modernize' his point of view, because he is the product of those experiences..... The chance of basic conception by which he has learned to judge the rightness and reality of specific

situation would be to render subsequent experiences meaningless, to make an empty caricature of what has been his life." (G.R. Adams dan T. Gullotta; 1983:30-31)

Di sini beliau cuba mengaitkan pengalaman yang dialami oleh individu dengan punca-punca konflik di dalam kehidupan.

### 2.3 Teori-Teori Psikologikal


Teori-teori psikologikal atau psikososial lebih memberi penekanan kepada pengalaman manusia berbanding dari pada segi genetik. Faktor-faktor ketegangan dan gangguan emosi menjadi tumpuan utama pendekatan psikologikal. Penulis-penulis awal seperti Kroh (1951), Spranger (1955) dan Lewin (1935, 1939, 1948) menerangkan tentang pandangan ini. Dua bentuk teori yang utama ialah; pertama 'learning orientation' yang dikemukakan oleh Bandura (1977), Talcott Parson (1963) dan Mc Candless (1970). Mereka memberi tumpuan bagaimana proses pembelajaran mempengaruhi pengalaman dan seterusnya corak kehidupan seseorang. Kedua, 'psychoanalytic orientation' yang disarankan oleh Sigmund Freud dan pengikut-pengikutnya yang memberi tekanan kepada 'intrapsyshic mechanisme of personality'.

Pendekatan psikologikal dan psikologikal dan keadaan-keadaan sosial. Misalnya, Eric H. Erikson (1950). Menyatakan personaliti (ego) mempunyai tugas menyeragamkan pengalaman semasa dan masalalu untuk menyediakan fungsi yang

seragam bagi penyatuan kehidupan dalaman (instincts) dengan pengaruh-pengaruh sosial. Manakala krisis di dalam perkembangan bertolak dari pengaruh kebudayaan individu itu sendiri. Krisis yang dihadapi akan diselesaikan setelah personaliti (ego) membentuk satu personaliti yang baru berpunca dari beberapa masalah yang ditempohi. Ini dapat dilihat melalui rajah 1.

1. Setiap perubahan personaliti bergantung kepada pengalaman-pengalaman yang dialami oleh individu bagi sesuatu tingkat perkembangan. Beliau menganggap walaupun keluarga memperkenalkan asas perkembangan yang positif, namun keadaan masyarakat dan kebudayaan juga memainkan peranan terhadap perkembangan individu. Pengalaman-pengalaman individu boleh menolong menyelesaikan sesuatu dalema secara positif atau sebaliknya. (P. Mussen et.al ; 1971:188)

Rajah 1: Lapan Bentuk Krisis Dan Tingkat-Tingkat Kehidupan Oleh Erik H. Erikson



Pendekatan pembelajaran-sosial telah mendapat perhatian dari beberapa orang pengkaji seperti Miller dan Dollard, di dalam 'Sosial-Leaning and Imitation' (1974) dan Bandura

serta Walter melalui 'Adolescent Aggression' (1959) dan 'Sosial-Learning and Personality Development' (1963). Terdapat tiga orang tokoh utama di dalam pendekatan ini, Boyd Mc Candless, Talcott Parson dan Albert Bandura.

Teori pembelajaran melihat perkembangan manusia dari sudut kesan-kesan penyatuan daripada pelbagai pengalaman yang dipelajari untuk membentuk personaliti. Menerusi beberapa latihan yang digariskan kanak-kanak akan mempelajari corak tindakbalas yang sesuai dengan jangkaan sosial. Misalnya, keluarga menyediakan satu set tindakbalas yang telah ditetapkan bagi seseorang. Menurut Mc Candless, tingkahlaku berasaskan kepada kebiasaan yang diperolehi daripada perkembangan tabiat. Perlakuan yang dominan menurut pandangan teori ini adalah dari kontek-kontek tertentu semasa membentuk tindakan.

Seterusnya beliau menyatakan konsep tingkat-tingkat tabiat didalam teori dorongan menyarankan bahawa ransangan dialami melalui faktor-faktor dalaman dan luaran. Di sini perlu diingati sesuatu tingkahlaku yang meningkatkan ransangan dan keseronokan boleh mempengaruhi pembelajaran. Oleh itu kebangkitan yang menimbulkan pengalaman yang menyeronokan akan menyebabkan pengulangan yang kerap. Jika perlakuan yang mengalami pertambahan atau pengurangan dorongan yang kuat boleh menjadi satu tabiat yang dominan. Perlakuan yang lebih dominan pada kebiasaannya wujud daripada satu set pembelajaran.

Manakala Talcott Persons mencadangkan pengaruh elemen-elemen di dalam masyarakat yang komplek meninggalkan kesan yang kuat kepada corak atau bentuk perlakuan. Peningkatan kebebasan anak-anak boleh didapati dalam masyarakat yang sentiasa berubah. Lanjutan dari itu telah menambahkan perubahan structur dan fungsi keluarga. Kalau dahulu motivasi mereka disalurkan untuk memenuhi pencapaian sosial yang sesuai melalui perlakuan yang diterima oleh orang-orang dewasa, tetapi para remaja telah beralih kepada rakan-rakan sebaya yang difikirkan dapat memberi kepuasan dan perkembangan autonomi. Dalam keadaan ini apa yang difikirkan ialah untuk memperolehi ganjaran sosial yang tinggi berbanding daripada apa yang diterima dari keluarga. Oleh itu Talcott Parson menganggap teori pembelajaran sosial boleh memberi penjelasan kepada aktiviti-aktiviti 'peer-group' dalam bentuk mendapatkan ganjaran tersebut.

Seterusnya Albert Bandura mengemukakan teori ini dapat mengkaji perubahan kelakuan remaja. Beliau menyarankan proses kesedaran yang menyebabkan perubahan perlakuan. Ia berpunca dari pengaruh pengalaman yang membawa kepada cabaran atau kemahiran. Mekanisma sosial yang mempengaruhi jangkaan individu meliputi empat faktor ;

- (a) kemajuan kemahiran membawa kepada perubahan perlakuan remaja apabila terdedah kepada kesempatan, nilai kejayaan individu yang lain

atau menyediakan arahan diri daripada pengalaman yang ada.

- (b) pelbagai pengalaman memberi peluang menilai kehidupan daripada beberapa sudut yang bebeza.
  - (c) mekanisma sosial juga memberi satu garis jangkaan tertentu
  - (d) tekanan dan ketegangan boleh menimbulkan masalah emosi yang membawa akibat yang buruk.
- (G.R. Adams et.al; 1983:38-41)

Pendekatan ini boleh dihubungkaitkan dengan beberapa masalah remaja seperti konflik dengan ibubapa, delinkensi dan perkembangan intelektual. Segala yang dipelajari dapat membina personaliti yang baik atau sebaliknya. Ini bergantung kepada pengalaman yang diterima dari keluarga, masyarakat dan budaya.

Satu lagi pendekatan psikologi yang popular ialah 'psychoanalytic'. Teori ini mempunyai dua kuasa yang bertentangan; keperluan-keperluan yang diwarisi dan keperluan hidup di dalam satu kumpulan sosial. Sigmund Freud menyatakan pengalaman awalan amat penting dalam membentuk personaliti yang sesuai dengan jangkaan sosial. Personaliti (ego) terlibat dengan pandangan, perbedaan, kesedaran dan pengalaman. Fungsi utama ego untuk mencapai kehendak-kehendak id (instincts) dari luar bersesuaian dengan jangkaan superego. Menerusi pengalaman kanak-kanak dengan ibubapa (socialization

experiences) seperti hukuman, larangan dan alasan, mereka secara umumnya akan merasa bersalah jika berbuat kesalahan. Tetapi bagi sesuatu keadaan yang tidak terkawal oleh ego atau superego boleh menimbulkan pengalaman yang negatif seperti perasaan kebimbangan. Beliau memberi tiga bentuk perasaan kebimbangan;

- (a) kebimbangan yang sebenar
- (b) kebimbangan neurotic
- (c) kebimbangan moral

Jikalau individu mempunyai kawalan dalaman yang lemah menghadapi pengalaman yang pahit, konflik dan kebimbangan boleh membawa kepada personaliti yang tidak stabil. (P. Mussen et. al; 1971:188)

Namun begitu daya ingatan juga memainkan peranan yang penting. Daya ingatan yang pendek boleh membantu responden untuk melupakan sesuatu pengalaman masa lalu setelah menerima pendedahan pengalaman baru. Sebaliknya jika seseorang penama mempunyai ingatan yang berkekalan terhadap sesuatu pengalaman yang dialami ini menyukarkan usaha-usaha pembentukan personaliti yang baru.

Dari penjelasan teori-teori psikologikal ini menunjukkan bahawa pengalaman individu daripada faktor dalaman dan luaran dapat melahirkan keperibadian tertentu. Proses pembentukan personaliti ini melalui beberapa tingkat tertentu bersesuaian dengan pertumbuhan pemikiran dan kematangan

manusia. Gangguan yang muncul semasa proses tersebut secara langsung boleh meninggalkan kesan negatif kepada pembentukan personaliti yang menjadi jangkaan masyarakat.

#### 2.4 Model Model Pembetulan (Correction)

Perkembangan sistem pentadbiran di dalam mengendalikan proses membaiki tingkah laku pesalah telah banyak membawa perubahan kepada model pembetulan. Ini berlaku kerana proses pembetulan masa lalu tidak mempunyai perikemanusiaan, menjatuhkan nilai diri dan kejam. Manakala perubahan yang dilakukan untuk membentuk model-model yang lebih berkesan dan berperikemanusiaan pada pandangan umum.

Model-model pembetulan yang mendapat tempat pada hari ini adalah seperti reformation, restraint, rehabilitation, reintegration dan punishment. Setiap model mengemukakan kaedah-kaedah mengawal atau mengawasi pesalah dan mengambil kira tanggapan masyarakat terhadap mereka. (David Duffee; 1975;73)

##### (a) Model Reformation

Model ini mendapat tempat di dalam proses pembetulan di mana menekankan kedudukan dan kepentingan masyarakat. Dengan kata lain kesalahan atau melanggar undang-undang yang boleh mendatangkan kerugian, kecederaan dan menimbulkan keadaan yang tidak tenteram di dalam masyarakat.

Seseorang yang didapati sabit kesalahan akan melalui proses pembalasan berbentuk penjara, institusi pemulihan atau didenda. Mereka ini dijangkakan dapat menurut peraturan dan mematuhi matlamat institusi dan masyarakat. Pembentukan prinsip taat setia dan disiplin dapat membendung dalam usaha mengekalkan kelakuan yang baik. Cara-cara yang disediakan seperti sistem ganjaran, hukuman, peraturan harian yang tegas dan beberapa keistimewaan yang terbatas. Misalnya, sistem ganjaran di pusat perlindungan wanita dan gadis yang dibahagikan kepada empat kategori :-

- (a) Kategori D, penghuni yang ditahan sehingga tidak bulan pertama akan menerima wang saku \$1.40 sebulan.
- (b) Kategori C, selepas tiga bulan pertama mereka layak naik kepada ketagori ini sehingga bulan ke sembilan dengan wang saku \$2.20 sebulan.
- (c) Kategori B, mulai bulan yang ke sepuluh sehingga bulan ke lapanbelas. Mereka ini layak menerima wang saku sejumlah \$3.00 sebulan.
- (d) Kategori A, mulai bulan ke lapanbelas penghuni pusat ini layak dimasukkan di dalam kategori ini dengan jumlah wang saku \$3.60 sebulan.

Penentuan kenaikan ke kategori tertentu bergantung kepada lapuran kelakuan penghuni sepanjang berada di institusi itu.

Proses reformation ini memerlukan satu bentuk kerjasama dan kesefahaman di antara kakitangan dan penghuni. Kemudahan-kemudahan fizikal masih belum mencukupi jika kakitangan gagal menunjukkan sifat-sifat yang terpuji. Sifat kakitangan akhlak mempunyai pengaruh yang kuat untuk memenuhi jangkaan dan membentuk sikap yang positif.

Apa yang jelas model ini dilaksanakan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Latihan kemahiran dan pengetahuan akademik hanya untuk membuka peluang kepada mereka mendapatkan pekerjaan serta menjauhkan diri dari masalah sosial.

(b) Model Restraint

Pendekatan model ini ialah untuk menanam sifat bertanggung jawab keatas setiap perlakuan dan perbuatan yang telah dilakukan atau akan dibuat. Hukuman dan deraan hanya untuk membendungkan dari berlakunya pelencongan dan menyediakan nilai-nilai diri yang berguna. Model ini tidak memberi penekanan khas kepada masyarakat dan persalah, malah ia lebih tertumpu kapada keupayaan pentadbiran dan kakitangan.

Peranan utama ditujukan kepada badan-badan khas yang melaksanakan proses pembetulan seperti Majlis Lembaga Pelawat, Lembaga Pengawasan dan pentadbiran untuk mengekalkan keberkesanannya organisasi. Mereka juga berusaha untuk mengekalkan sistem dan melindungi satu sama lain daripada kritikan. Kakitangan pusat tahanan dan perlindungan berhak dan berkuasa

menentukan keberkesanannya pentadbiran bagi melicinkan proses pembetulan dan bebas daripada masalah-masalah dalaman (organisasi).

(c) Model\_Penyatuan\_Semula (reintegration)

Model ini menitikberatkan hubungan pesalah dengan masyarakat. Pembetulan cara ini termasuk membina dan membentuk semula perhubungan positif pesalah-masyarakat. Integrasi ini boleh dilakukan melalui pembetulan hubungan kekeluargaan, mengadakan pekerjaan dan pelajaran bagi membuka peluang berfungsi semula sebagai seorang ahli masyarakat yang berguna. Usaha membaiki peribadi pesalah bukan tertumpu pada mereka sahaja, malah mobilisasi dan perubahan masyarakat dan institusi-institusinya juga harus dititik berat.

Model ini melibatkan masyarakat sebagai pusat rawatan dan hukuman hanya menjadi sumber sampingan. Perhubungan masyarakat dengan pesalah dilakukan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti lawatan, perhubungan dengan keluarga, penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pekerjaan selepas dibebaskan kelak. Di sini kakitangan atau penyelia akhlak memainkan peranan yang penting bagi mengujudkan diberi kebebasan untuk memilih beberapa bentuk aktiviti atau program yang mempunyai alternatif yang baik dalam masyarakat. Perubahan motivasi ini pada hakikatnya untuk

membuka pandangan pesalah bahawa mereka masih mendapat tempat di dalam masyarakat melalui perlakuan yang diiktiraf.

Program untuk mengembalikan semula individu ke dalam masyarakat amat berguna bagi meringankan dan mengurangkan gangguan serta rasa terkejut bila berhadapan semula dengan masyarakat umum. Matlamat asas model ini ialah untuk mengurangkan pengulangan kesalahan bagi pesalah yang terlibat setelah dibebaskan.

(d) Model Pemulihan (Rehabilitation)

Model pemulihan ini menjangkakan pengaruh-pengaruh 'indirect' akan menghasilkan perubahan yang berfaedah kepada gerak laku dan tabiat pesalah. Kaedah ini memandang pesalah sebagai pesakit. Proses pemulihan dilakukan dengan rawatan, diagnosa, ramalan, mengubati dan patologi mendapat tempat di mana untuk mengetahui perangai dan pemasalahan seseorang pesalah.

Proses pemulihan dilakukan oleh ahli-ahli sakit jiwa, psikologist dan kakitangan kebajikan serta doktor. Ahli sakit jiwa dijangka boleh mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pesalah dan memberikan rawatan yang sesuai. Pelajaran akademik dan vokesyenal dapat memberi latihan disiplin dan kemahiran bagi menolong individu menyesuaikan diri dengan keperluan masyarakat. Program-program lain di dalam model ini termasuk perkhidmatan kaunseling, pendidikan

keagamaan dan kegiatan-kegiatan riadah. Kemahiran kakitangan di dalam melaksanakan tugas-tugas menjadi asas bagi membantu pesalah. Keberkesanan pendekatan ini bergantung kepada kerjasama dan penglibatan pesalah secara langsung.

Keempat-empat model di atas dapat dilihat melalui rajah 2. Rajah tersebut akan memberi penjelasan tentang kepentingan model-model itu dilihat dari sudut pesalah dan masyarakat.

Rajah 2: Model-Model Pembetulan

Tekanan Kepada Komuniti

| Tekanan<br>Kepada<br>Pesalah | Rendah                                      | Tinggi | Tinggi                                      |
|------------------------------|---|--------|---|
| Tinggi                       | Rehabilitation<br>(identifilation<br>focus) |        | Reinternation<br>(internalization<br>focus) |
| Rendah                       | Restraint<br>(organization focus)           |        | Reformation<br>(compliance focus)           |

(e) Model Hukuman (Punishment)

Model ini berupa deraan yang amat popular sejak zaman lampau lagi. Bentuk hukuman masa lalu berupa siksaan fizikal. Namun begitu selepas Revolusi Perancis perubahan model ini bertukar kepada yang lebih berbentuk 'kemanusiaan' seperti denda dan amaran.

Hari ini falsafah model ini telah mendapat sokongan dari masyarakat berbanding dengan badan-badan penguatkuasa

undang-undang. Menurut J.Q. Wilson dan Ernest Van Den Haag, mempertahankan ketegasan dan ketentuan hukuman seperti tempoh tahanan yang lebih panjang untuk menghindarkan pengulangan kesalahan dan menjadi pengajaran moral kepada masyarakat.

Di samping itu model kekeluargaan juga tidak ketinggalan disertakan untuk melahirkan corak pembetulan yang lebih 'berperikemanusiaan'. Misalnya, memberi peluang penglibatan keluarga di dalam proses pembetulan.

Bentuk-bentuk hukuman mempunyai beberapa perbezaan bergantung dari segi jangkamasa, tempat dan jenis kesalahan yang dilakukan. Sebagai contoh, 'capital punishment' seperti hukuman mati, penjara seumur hidup atau sepanjang hayat dan sebat mempunyai kadar yang rendah kecuali apabila melibatkan kes-kes yang difikirkan serius oleh sebuah negara dan undang-undang.

Hukuman kemungkinan dapat diandaikan sebagai satu deterrence. Umumnya deterrence boleh dibahagikan kepada dua bentuk yang mempunyai fungsi yang berbeza :-

- i. Special deterrence, berfungsi untuk menimbulkan perasaan takut kepada pesalah yang pernah dihukum supaya tidak mengulangi kesalahan masa lalu.

ii. General deterrence, berfungsi untuk mencegah orang-orang lain daripada melakukan kesalahan dengan menimbulkan perasaan takut akan akibat buruknya.


Berdasarkan kepada model-model pembetulah di atas kita akan dapati setiap proses pemulihan akan melalui kesemua pendekatan tersebut. Program pembetulan secara langsung dan sebaliknya memerlukan kelima-lima pendekatan.

## 2.5 Konsep Pengalaman (Experience)

Individu yang menganggotai sesuatu masyarakat itu mempunyai pelbagai latarbelakang pengalaman yang berbeza-beza. Walaupun sistem sosial telah menggariskan peranan dan peraturan yang tertentu, tetapi akibat dari perbezaan pengalaman dan keadaan persekitaran memungkinkan segelintir ahli masyarakat terkeluar dari sistem sosial.

Pengalaman satu fenomena yang absrak dan sukar untuk diberi pengertian yang tepat. Malah tiada satu kaedah yang sesuai dapat memberi penilaian sebenar pengalaman yang dialami oleh seseorang individu. Ahli-ahli psikologist kerap melihat perhubungan antara pengalaman dengan perlakuan (behaviour) seseorang. Ini bermakna setiap pengalaman yang dialami oleh individu itu akan membentuk perlakuannya sendiri.

Perkembangan individu bergantung kepada pengalaman yang berdasarkan kebudayaan, kumpulan sosial dan keluarga. Jika seseorang melahirkan sesuatu bentuk idea ia adalah lanjutan dari pengalamannya. Idea ini pula akan mendedahkan individu kepada pengalaman baru (secondary experience). Secara ringkas dapat dirujuk menerusi rajah 3 di bawah.



Tingkat perubahan pengalaman individu menunjukkan bahawa pengalaman mempunyai ciri yang dinamik dan tidak statik. Setiap tingkat perubahan pengalaman bergantung kepada diri individu sendiri, kematangan dan keadaan persekitaran. R. Fesher (1937) menyatakan;

"Experience carefully planned in advance and designed to form a secure basic for new knowledge"  
(Thompson and De Bold; 1971:5)

Seterusnya ahli-ahli psikologist telah membahagikan pengalaman-pengalaman kepada 2 bentuk yang berbeza tetapi saling bergantung antara satu sama lain.

- (a) Pengalaman sosial
- (b) Pengalaman individu

Herbert Mead misalnya, mencadangkan pendekatan pengalaman daripada sudut pandangan sosial di mana elemen hubungan (communication) menjadi asas penentu sosial order. Dengan kata lain psikologi sosial menekankan pengalaman individu penting kerana hasil darinya membentuk sosial order.

Menurut J.B. Watson pula, pengalaman yang 'private' hanya menjadi hak individu itu sendiri dan dianggap sesuatu yang subjektif. Behaviourism ditakrifkan dari sudut yang luas dan lanjutan daripada pengalaman individu. Beliau menyatakan pengalaman dalaman akan melahirkan perlakuan luaran. Oleh itu perlakuan yang berbentuk itu hanya sesuai

dengan individu itu sahaja. Seseorang boleh mengawasi pergerakan dirinya tetapi secara normal tidak boleh berbuat demikian terhadap individu lain.

Sebelum ini telah disebut bahawa pengalaman individu itu hanya sesuai untuk dirinya sahaja dari sudut psikologikal. Bersesuaian dengan pendapat ini William James (1904) di dalam artikalnya 'Does Consciousness Exist' mengemukakan bahawa penilaian sesuatu objek yang sama adalah berbeza-beza bagi setiap individu kerana kerap menurut pengalaman masing-masing.

Lanjutan daripada ini terdapat pula perkaitan di antara dua aspek pengalaman iaitu ;

- (a) Pengalaman dalaman
- (b) Pengalaman luaran

Dalam psikologi sosial kita memperolehi proses sosial dari dalaman mahupun luaran. Perlakuan dilihat dari segi pengalaman dalaman individu yang kemudiannya melahirkan aktiviti-aktiviti tertentu. Sebaliknya, patut disedari kewujudan pengalaman itu melalui proses yang merupakan satu keseluruhan.

Kemungkinan akan timbul masalah dimana sesuatu tindakbalas tidak memberi jawapan kepada beberapa pengalaman yang diberi, ini bermakna gangguan kesan daripada pengalaman-pengalaman masa lalu. Misalnya, ingatan (memory) dari

persepsi psikologi boleh mempengaruhi dan memberi kesan kepada pengalaman. Daya ingatan iaitu kebolehan menyimpan menjadi punca pengalaman yang baru dan berbeza dengan apa yang dialami masa lalu. Pengalaman individu pada asasnya mesti menurut apa yang telah digariskan oleh sistem sosial untuk mengekalkan sosial order. Walaupun begitu individu yang mempunyai satu set pengalaman yang negatif memungkinkan berlakunya kerenggangan di dalam sosial order.

Bagi Erik H. Erikson pula berpendapat, pengalaman yang menimbulkan permasalahan boleh diselesaikan secara positif atau sebaliknya. Ini bergantung kepada kebolehan, kematangan dan kedudukan individu di dalam masyarakat.

Secara umumnya pengalaman menjadi daya gerak kepada perkembangan kehidupan manusia. Menerusi pengalaman manusia akan membentuk idea-idea baru untuk berhadapan dengan suasana dan keadaan baru. Pengalaman juga menentukan kemajuan intelektual individu, personaliti dan lain-lain lagi.

## 2.6 Konsep Pemulihan (Rehabilitation)

Proses pemulihan menjadi salah satu fungsi pusat perlindungan wanita dan gadis. Konsep pemulihan ini secara umum boleh didefinisikan sebagai usaha untuk mengembalikan fungsi kebebasan seseorang individu dalam masyarakat. Ini bermakna untuk membentuk kembali aktiviti manusia menurut garis panduan norma dan nilai sosial.

Konsep pemulihan mempunyai tanggapan yang berbeza dari segi perlaksanaannya. Sebilangan tokoh menyatakan pemulihan sebagai program-program rawatan, latihan vokesyen-al dan pendidikan yang disertai oleh penyeliaan. (R. Hankell dan L. Yablonsky: 1982:152-153). Manakala Roger Hood pula berpendapat bahawa ;

"..... treatment seems to imply a method of dealing with the problem of the individual offender".  
(Bean; 1976:5)

Ini bermakna rawatan pemulihan adalah merujuk kepada kaedah di dalam menghadapi masalah yang dialami oleh pesalah.

Selain dari pendapat di atas, proses pemulihan merupakan satu susunan strategi dan teknik untuk mengurangkan masalah kecacatan sosial. Ini dapat dilakukan melalui mengenakan halangan-halangan bagi keadaan yang boleh mempengaruhi individu kearah perlakuan jenayah. Louis P. Carney telah menyatakan rawatan sebagai ;

"..... these strategies and techniques which are aimed at the alleviation of state of disability. In this context, criminality constitutes the (social)disability and correction treatment would be concerned with terminating, or attempting to terminate the criminal predisposition."  
(L.P. Carney: 1980 :185)

Konsep pemulihan yang mempunyai pengertian yang luas ini tidak sahaja terbatas pada program atau aktiviti sahaja. Malah penglibatan kakitangan pemulihan juga diperlukan bagi menjayakan matlamat tersebut. Bagi Alan R.

Coffey mengutarakan tiga matlamat umum di dalam penyeliaan para pesalah remaja;

- (a) untuk menghalang pengulangan perlakuan delinkwensi
- (b) untuk menghalang penglibatan yang berterusan di dalam perbuatan devian.
- (c) untuk menyatakan kepada mereka bahawa peluang untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif masih ada. (A.R. Coffey: 1975:137-140)

Pemulihan secara tidak langsung akan memberi panduan kepada pesalah supaya menggunakan kuasa atau kebolehan untuk melihat dengan akal mengenai sesuatu masalah. Penggunaan akal dan melahirkan tindakkan yang positif dapat mengubah dan menghalang mereka dari melakukan kesalahan-kesalahan lanjutan.

## 2.7 Program Pemulihan Dan Rawatan

Bagi pusat perlindungan ini bentuk pemulihan yang disediakan berdasarkan kepada prinsip latihan untuk mengantikan didikan keluarga. Semua ini diharapkan dapat memberi mereka penyesuaian yang amat penting di dalam proses pemulihan dan pembetulan. Penyenggelaraan perkhidmatan tersebut dipertanggungjawabkan di atas bahu kakitangan kebajikan masyarakat. Aspek-aspek pemulihan yang dipraktikkan adalah seperti;

- (a) Pendidikan dan latihan kemahiran
- (b) Riadah
- (c) Kerohanian dan pendidikan moral
- (d) Kaunseling atau khidmat nasihat

(a) Pendidikan\_Dan\_Latihan\_Kemahiran

Aspek pendidikan dan latihan kemahiran merupakan program pemulihian yang utama. Program pendidikan formal misalnya, sesuai untuk proses perkembangan mental dan mempunyai nilai terapeutik untuk membina semula (restructure) nilai-nilai diri yang positif. Kebanyakkan penama yang terlibat tiada mempunyai pencapaian akademik dan kebolehan yang memuaskan. Memandangkan kepincangan ini maka pusat perlindungan ini telah menyediakan kedua-dua jenis pendidikan tersebut.

- i. Kelas akademik, yang menyediakan matapelajaran am seperti membaca, menulis dan mengira lebih diutamakan. Ini kerana ramai para penama yang tiada mempunyai kemahiran di ketiga-tiga bidang itu. Bagi mereka yang berkemampuan melanjutkan pelajaran diberi peluang melanjutkan pelajaran ketahap yang lebih tinggi.
- ii. Kelas vokesyenal, berkepentingan untuk menanam kecenderungan dan kemahiran bekerja supaya boleh menyediakan diri untuk memilih bentuk kerja yang sesuai kelak.

(E. Eldefenso dan W. Hartingger; 1976:168)

Pengalaman masa lalu penama telah mendedahkan mereka kepada bentuk pekerjaan dan perlakuan yang tidak

bermoral. Ini berkemungkinan lanjutan dan akibat langsung daripada pencapaian pendidikan yang rendah. Dengan cara memberi pendidikan dan kemahiran diharapkan dapat mendedahkan mereka kepada pengalaman dan pengetahuan baru. Seterusnya dijangkakan apa yang telah dilalui pada masa lalu mungkin dapat dilupakan dengan pembinaan satu set pengalaman baru yang positif. Secara umum objektif pemulihan melalui program ini ialah untuk menyediakan;

- i. mengajar supaya mempunyai kebolehan di dalam membaca, menulis dan mengira.
- ii. menggunakan latihan vokesyenal untuk kepentingan masa hadapan. Misalnya, berfaedah ketika bekerja dan berumahtangga kelak.
- iii. melahirkan dan menanam 'secondary advantages' seperti tabiat yang baik, pertandingan yang positif, harga diri, self-perception kepada kesempurnaan dan pandangan yang mulia kepada sesuatu jenis pekerjaan yang baik. (Vernon Fox: 1977:205)

(b) Riadah

Aktiviti ini pada dasarnya untuk membaiki kesihatan rohani dan jasmani penama-penama. Menerusi aktiviti-aktiviti ini diharap boleh mewujudkan satu bentuk pergaularan yang luas dan baik. Menurut Bartollas dan Miller melalui

bukunya, 'Correctional Administration Theory and Practice' menyatakan;

"Recreation program have not been evaluated for their effect on reducing recidivism, but they certainly are important for releasing tension and mitigating the monotony of prison life".  
(Bartollas dan Miller: 1978: 197)

Program reakrasi tidak boleh dinilaikan kesannya terhadap pengurangan perlakuan delinkwensi. Namun begitu aktiviti ini penting untuk melepaskan ketegangan jiwa dan mengurangkan kebosanan.

Aktiviti-aktiviti riadah perlu diikuti oleh para penama. Mereka diberi peluang untuk merancang dan menyertai aktiviti tersebut. Apa yang diharapkan dari aktiviti ini ialah pemupukan konsep kerja dan kerjaya. Aktiviti riadah institusi ini seperti gotong-royong, berkebun bunga dan sayur, menanam dan menjaga pokon buah-buahan, latihan berkawat, unit renjer, kelas kompong, kumpulan kebudayaan, bersukan dan kelas muzik. Kesemua aktiviti ini dilakukan diluar asrama dan diwaktu siang.

Disamping itu penama-penama juga diberi peluang menonton television dan menulis surat kepada keluarga. Kemudahan-kemudahan seumpama ini membantu penyelia menilai penyertaan dan kerjasama yang diberi oleh penama-penama.

(c) Pendidikan Agama Dan Moral

Keagamaan satu sumber yang membentuk kawalan sosial dalam masyarakat. Sumbangan agama terhadap pemeliharaan masyarakat ialah melalui kewujudan batasan-batasan tertentu terhadap kehendak dan dorongan manusia yang tidak terhad. Durkheim mendefinisikan agama sebagai sistem kepercayaan dan perlakuan yang relatif kepada bentuk yang dilarang (forbidden-beliefs) dan menimbulkan satu komuniti yang bermoral. (Roland Robertson: 1978:46)

Manakala ada golongan yang mentakrifkan agama sebagai pengintergrasian nilai-nilai, pengukuhan nilai-nilai dan moral serta pengsosialisasian individu.

(E.K. Nattingham: 1954:31-45)

Dalam memenuhi keperluan asas atau biologikal, manusia kerap terdorong ke arah perlakuan delinkwensi. Mereka secara tidak langsung akan mengalami ketegangan perasaan dan keruntuhan jiwa apabila kemampuan mereka tidak dapat mengisi dan mencapai sesuatu keperluan. Maka di sini agama menjadi landasan dan panduan yang penting untuk memimpin seseorang kembali kepada masyarakat. Tidak syak lagi agama mempunyai kedudukan semulajadi untuk membentuk satu pengalaman baru.

Oleh itu pendidikan rohani dan moral mendapat tempat di institusi tahanan dan perlindungan dengan mengada-

kan kelas keagamaan dan tempat-tempat beribadat menurut agama masing-masing.

(d) Kaunseling Atau Khidmat Nasihat

Perkhidmatan kaunseling atau tolong bantu merupakan salah satu program yang mula mendapat perhatian di dalam proses pemulihan. Khidmat nasihat merupakan satu proses yang aktif di antara kedua belah pihak (penolong dan penerima) dicorakan dengan hubungan yang tertentu dengan tujuan semoga dapat membaiki dan menukar tingkah laku seseorang individu. (Mansur; 1984:94)

Program ini disediakan untuk memberi sokongan dan mengurangkan tekanan perasaan atau gangguan jiwa pada diri individu di dalam menghadapi dan mengatasi sesuatu masalah. The American Correctional Association, telah menakrifkan kaunseling sebagai;

"counselling is a relationship in which one endeavors to help another understand and solve his problems of adjustment. It is distinguished from service or admonition in that it implies mutual consent". (Trojanwics; 1978: 287)

Kaunseling satu proses yang memberi panduan untuk menyelesaikan masalah melalui cara yang rasional. Ia bukan sahaja untuk memahami masalah masa lalu tetapi juga masalah harian dan rancangan yang perlu diambil untuk mengatasinya pada masa akan datang. Ini telah dinyatakan oleh M. Mansur

Abdullah di dalam bukunya 'Ke Arah Sistem Tolongbantu Masakini' menggariskan lima kepentingan kaunseling.


- i. Berguna bagi membantu sesiapa, agar dapat menyekat dan menghadkan tugas-tugas meramal dan menduga dalam tingkahlakunya serta tindakan mengambil keputusan.
- ii. Membantu komunikasi yang berkesan sebagai tunggak dalam hubungan tolongbantu.
- iii. Membantu mereka yang perlukan pertolongan menggunakan lebih daripada satu strategi di dalam mengatasi suatu masalah.
- iv. Membolehkan penolong bantu membuat penilaian tentang sejauh mana keberkesanan usahanya itu.
- v. Memberi ingatan kepada penolongbantu agar waspada terhadap nilai-nilai, perasaan dan penerimaan orang yang ditolong. (Mansur: 1984: 80)

Pusat perlindungan ini misalnya memberi perkhidmatan nasihat secara individu dan berkumpulan. Proses ini menjadi tugas setiap kakitangan secara langsung atau sebaliknya. Mereka perlu mempunyai teknik tertentu di samping sifat dan sikap yang ramah dan tabiat yang baik. Kakitangan perlu mempunyai sifat tertentu untuk menjayakan program ini melalui;

- i. memberi kenyakinan perasaan bahawa ia sentiasa diterima untuk berbincang.
- ii. memahami tabiat mereka, bersedia mendengar apa sahaja bentuk mesalah yang dikemukakan.
- iii. memberi kenyakinan serta sokongan dan peluang penama mengucapkan perasaan mereka.
- iv. memberi cadangan dan nasihat yang rasional.

Kaedah ini menjadi satu proses perhubungan dan interaksi di antara penama. Kauselor dan masalah yang dihadapi. Ketiga-tiga elemen ini mempengaruhi proses tersebut secara timbal-balik seperti dalam rajah 3 di bawah ;

Rajah 3: Proses\_Hubungan\_Dalam\_Kaunseling



Proses ini juga bertujuan bagi baikpulih (restructure) keperibadian mereka. Bagi pusat ini kaedah kaunseling dilakukan tiga kali sebulan dan menjadi lapuran kemajuan penama. Institusi ini juga melakukan kaunseling diperingkat kumpulan yang dikenali sebagai 'dormitory talk'. Ini memberi kesempatan kepada para penama berkongsi pengalaman dan cuba mengatasi masalah antara satu dengan yang lain. Menerusi perbincangan itu juga mereka akan memahami peranan setiap individu menurut kehendak dan jangkaan masyarakat.

Pengalaman masa lalu dan masalah yang mendorong kepada pelencongan norma mungkin akan diketahui menerusi cara ini. Ini dapat memberi pertolongan dan bimbingan untuk mengatasi kegelisahan bagi membaiki peribadi mereka. Program dan perkhidmatan pemulihan bertindak sebagai agen perlindungan dan perkembangan yang penting. Sesuai dengan matlamat perkhidmatan pemulihan akhlak untuk menyediakan 'maladjusted' dari segi sosial, untuk menyatukan semula individu ke dalam masyarakat kita terpaksa membaiki setiap anti-sosial mereka yang terlibat, dengan penekanan terhadap pembelajaran semula dan semangat bertanggungjawab; menyediakan kemudahan pemulihan di dalam institusi yang menggariskan beberapa matlamat.

(Wan Azmi Ramli: 1982: 254)

Perkhidmatan pemulihan dan rawatan ini diharapkan dapat mengwujudkan segala unsur-unsur di dalam struktur dan institusi sosial. Dengan ini dapat mengimbangkan pertumbuhan peribadi masyarakat dan melahirkan satu ketenteraman dan keselesaan dalam masyarakat. .

### BAB III

#### LATARBELAKANG INSTITUSI DAN PENGALAMAN PENGHUNI

##### 3.1 Latarbelakang Institusi

Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Rembau adalah sebuah institusi perlindungan dan pemulihian yang terdapat di Malaysia. Dari segi sejarah, pusat yang lebih dikenali sebagai Taman Sri Puteri ini telah mula berfungsi dalam bulan November 1976 dan dibuka dengan rasminya oleh Datuk Sedia Raja Undang Luak Rembau pada 12hb. Mei, 1977.

Pusat ini terletak di kawasan seluas 18 hektar yang dipagari oleh pagar dawai dan berduri di sebelah atasnya. Manakala bangunan-bangunan yang didirikan teratur dan berperancangan, dibina daripada batu-bata. Dari segi susunan bangunan yang terdapat di pusat ini ialah :-

- (a) bangunan pentadbiran, yang mengandungi bilik mesyuarat, pejabat pentadbiran dan bilik rawatan.
- (b) bangunan asrama, yang didirikan kembar setingkat, bilik-bilik penginapan berbentuk dormetry. Asrama ini mempunyai bilik beribarat bagi agama Hindu dan Buddha serta sebuah bilik riadah.
- (c) bangunan bagi kelas-kelas akademik dan vokesyenal.

(d) bangunan-bangunan lain seperti sebuah dewan makan dan dewan serbaguna, pondok jaga, surau dan rumah kakitangan.


Di samping itu sebagai pusat perlindungan sistem kawalan juga diberi perhatian. Misalnya terdapat dua pondok kawalan yang dibina terletak di bahagian hadapan (pintu masuk) dan belakang (berhampiran) asrama penghuni. Asrama penghuni juga mempunyai kawalan dengan mengunci pintu masuk terutama di sebelah malam dan terdapat dawai berduri pada tembok yang memisahkan antara dua bangunan asrama. Semua ini untuk menjaga keselamatan penghuni dari dicerobohi atau melarikan diri.

Kemudahan-kemudahan fizikal yang lain adalah seperti padang-padang permainan seperti bolajaring dan bola-tampar serta sebuah van untuk kegunaan penghuni dan kakitangan.

Penyusunan yang rapi dan teratur dalam sistem pentadbiran keseluruhannya amat mustahak bagi mengwujudkan pentadbiran yang lebih cekap dan tegas. Justru untuk mencapai matlamat tersebut pihak institusi perlu dikendalikan oleh kakitangan yang cekap, sabar dan bertanggungjawab. Rajah , menunjukkan carta organisasi pentadbiran institusi ini. Pentadbiran institusi ini dikendalikan melalui dua cara ;

- (a) pentadbiran untuk memulihkan aktiviti-aktiviti permulihan
- (b) pentadbiran untuk urusan dan perlaksanaan pentadbiran institusi.

Rajah : Struktur Organisasi Pentadbiran Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis,  
Rembau, Negeri Sembilan.



(a) Tugas\_Pengetua\_Dan\_Timbalan\_Pengetua

Pengetua mengetuai pentadbiran pusat ini yang bertanggungjawab dari segi pimpinan, pengurusan, pengawasan dan mengawal keutuhan disiplin ke atas kakitangan dan penghuni serta hartabenda dan perkhidmatan. Ini akan dapat melahirkan satu perkhidmatan yang cekap bagi institusi tersebut.

Tugas menjalankan pengawasan yang rapi terhadap keperluan perkhidmatan dan program pemulihan seperti kesihatan, pelajaran dan latihan vokesyenal, kebajikan penghuni, keperluan dan kawalan kebersihan menjadi tanggungjawab Pengetua dan Penolongnya. Selain daripada tugas dan tanggungjawab itu beberapa bentuk tanggungjawab lain seperti :

- i. menemuduga setiap penghuni yang diterima masuk ke dalam institusi, meninggalkan pusat tanpa kebenaran; bercuti dan sebelum dibebaskan.
- ii. Penetapkan kewajipan-kewajipan harian kakitangan dan menyusun jadual harian bagi penghuni.
- iii. memeriksa dan membuat lawatan kesetiap bahagian pusat semasa bertugas atau sebaliknya.
- iv. memutus; mendengar aduan-aduan penghuni terutama masalah yang dihadapi.

- v. menyediakan sukatan pelajaran dan latihan kemahiran, tempat-tempat ibadat penghuni dan yang berkaitan dengan pemulihian.
- vi. membuat lapuran kepada pihak berkuasa iaitu Polis dan Kementerian Kebajikan Masyarakat mengenai penghuni yang mlarikan diri dari-pada pusat.
- vii. menguruskan mengenai soal perubatan dan rawatan penghuni.

Jikalau Pengetua tiada di pusat itu secara otamatik penolong atau Timbalan Pengetua mengambil alih tugas dan tanggungjawab pentadbiran dan pemulihian.

(b) Pengawai Rundingcara

Pegawai ini mempunyai kepentingan di dalam menjalankan proses pemulihian terutama untuk membantu membentuk kembali personaliti yang positif. Pusat ini menyediakan seorang pegawai untuk membantu melicinkan pengurusan, pengawasan dan pembentukkan semula keperibadian, menanam nilai diri yang baik pada penghuni-penghuni. Pegawai ini kerap mengadakan perjumpaan dan temuduga dengan para penghuni terutama bagi yang baru diterima masuk dan mereka yang menghadapi masalah-masalah penyesuaian semasa dilindungi itu.

Perkhidmatan yang diberikan berupa khidmat tolongan bantu atau kaunseling. Oleh yang demikian pegawai yang

terlibat akan cuba mendapatkan kerjasama dan membentuk satu perhubungan yang rapat dengan penghuni. Dengan cara ini pihak pentadbiran akan mengetahui masalah-masalah penghuni sebelum dan semasa berada di pusat berkenaan.

Lanjutan daripada temuduga yang diatur, pegawai berkenaan akan mengemukakan lapuran dan mencadangkan sesuatu tindakan yang boleh memberi faedah kepada penghuni. Masalah yang telah dikenalpasti bagi setiap penghuni boleh membantu penyelidikan dan penyediaan program pemulihan yang sesuai bagi mereka.

(c) Tugas Pembantu Kebajikan Masyarakat

Dalam peringkat perlaksanaan proses pemulihan dan kegiatan yang bercorak sosial dikendalikan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. kakitangan bahagian ini mempunyai tugas-tugas yang berbentuk bimbingan dan penyeliaan ke arah pemulihan berupa kerja-kerja sosial, riadah dan pendidikan akademik dan kemahiran.

Mereka melaksanakan tugas menurut arahan yang diberikan oleh Pengetua. Setiap Pembantu Kebajikan Masyarakat ini dipertanggungjawabkan memimpin satu kumpulan penghuni. Penghuni perlu dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil bagi memudahkan pengawalan dan bimbingan yang lebih berkesan. Semua ini dilakukan untuk membentuk keperibadian dan akhlak yang baik di kalangan penghuni supaya menjadi ahli mesyarakat yang berguna.

Tugas-tugas lain yang melibatkan Pembantu Kebajikan Masyarakat ialah :

- i. menjaga keselamatan penghuni semasa berada di dalam pusat dan ketika dibawa keluar untuk aktiviti sosial atau menerima rawatan perubatan.
- ii. melakukan temubual bersama-sama penghuni yang berada di bawah jagaan masing-masing, kemudian mencatatkan lapuran ke dalam rekod kemasukan mereka.
- iii. mengawasi penghuni ketika menjalankan program pemulihan dan aktiviti-aktiviti harian agar mereka tidak melanggar peraturan.
- iv. menjalankan aktiviti yang dikhaskan seperti memberi bimbingan mengenai kegiatan-kegiatan bercorak keagamaan, pancaragam, latihan kemanusiaan dan sebagainya.
- v. menjaga kebersihan penghuni, kawasan dan bangunan pusat.

(d) Tugas Pembantu Hospital

Kesihatan penghuni sentiasa diberi keutamaan. Setiap penghuni yang baru di bawa ke pusat ini akan menjalani peperiksaan yang lengkap dari segi kesihatan di pusat rawatan kecil Rembau. Begitu juga para penghuni yang memer-

lukan rawatan akan dibawa ke pusat rawatan itu. Manakala penghuni yang memerlukan rawatan lanjutan akan dibawa ke Hospital Besar Seremban. Rawatan pergigian pula disediakan di klinik pergigian Rembau.

Pusat ini terdapat seorang jururawat yang bertugas sepenuh masa. Ini bermakna penghuni berpeluang menerima rawatan setiap hari. Disamping itu terdapat seorang doktor pelawat dan bidan yang mengadakan lawatan menurut jadual yang disediakan atau apabila timbul sesuatu keperluan.

Selain daripada merawat penghuni, pegawai perubatan dan jururawat juga menjalankan pemeriksaan kebersihan persekitaran pusat dan makanan yang disediakan; menyimpan rekod-rekod perubatan penghuni yang menjadi salah satu sumber rujukan pentadbiran pusat. Ini penting apabila pentadbir pusat ingin memberi dan mendapatkan pengakuan kesihatan penghuni.

Kebenaran rawatan di luar kuasa hanya boleh diperolehi menerusi Pengetua. Ini bermakna jika berlaku kes-kes yang serius dan memerlukan penbedahan atau penahanan wad maka keizinan rawatan boleh ditandatangani dan dipersetujui oleh Pengetua sebagai mewakili ibubapa dan penjaga penghuni yang terlibat.

(e) Lembaga Pelawat

Lembaga Pelawat merupakan satu badan yang menjadi sebahagian daripada struktur organisasi yang menjaga, mengawal sistem pentadbiran pusat supaya bergerak lancar dan berkesan. Mereka yang menganggotai Lembaga Pelawat ini bertanggungjawab membantu Pengarah Kebajikan Negeri dan Pengetua pusat berkenaan bagi memastikan program pemulihan yang menggariskan beberapa peraturan dilaksanakan sewajarnya.

Perlantikan seseorang ahli di dalam Lembaga Pelawat ini adalah bagi satu tempuh tidak lebih daripada 3 tahun. Walaupun begitu mana-mana ahli yang telah tamat tempuh perlantikan boleh dilantik semula. Perlantikan ahli-ahli lembaga ini bergantung di bawah kuasa Menteri.

Pengerusi dalam Lembaga Pelawat ini dilantik oleh Menteri daripada ahli-ahlinya. Sebagai kekosongan yang berlaku akibat perletakan jawatan atau pembatalan perlantikan di dalam keanggotaan lembaga, Setiausaha hendaklah memberitahu Menteri akan hal ini.

Setiap bulan Lembaga Pelawat akan mengadakan mesyuarat di pusat ini. Perjumpaan seperti ini penting bagi mengetahui perkembangan semasa yang berlaku di pusat berhubung dengan pentadbiran dan para penghuni. Tugas-tugas Lembaga Pelawat adalah seperti berikut :


- i. mengatur dan mengadakan program tambahan yang mendatangkan kebaikan. Misalnya, Taman Seri Puteri ini mempunyai kumpulan pancaragam dan ternakan ayam atas daya usaha ahli-ahli lembaga.
- ii. meneliti kemajuan seseorang penghuni menerusi rekod-rekod lapuran bulanan mereka.
- iii. memberi syor-syor kepada Pengetua dan Pengarah Kebajikan Negeri mengenai perkara-perkara yang menghasilkan manfaat berhubung dengan pusat.

Bagi pihak pentadbiran pusat, mesyuarat kerap diadakan dari masa kesemasa. Terdapat juga mesyuarat khas yang hanya dihadiri oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat sahaja. Perkara-perkara yang sering dibincangkan adalah berkenaan keberkesanannya pentadbiran pusat dan masalah-masalah penghuni. Selain itu menerusi mesyuarat juga memberi peluang mengatur perancangan dan strategi untuk memberi kesan yang positif.

Menerusi Lapuran Tahunan (31.12.1985) dinyatakan pusat ini mempunyai seramai 33 orang kakitangan tetap dari pelbagai jawatan. Manakala terdapat seramai 10 orang kakitangan sambilan terdiri dari guru muzik, kawat, agama Islam, bahasa, masakan, kraftangan dan pertukangan, sainsrumah-tangga dan kompong.

Perlu diingat bahawa setiap jabatan kerajaan mempunyai perkhimatian bersepadu untuk menjayakan sesuatu projek dan program. Begitu juga dengan Kementerian Masyarakat yang memperolehi kerjasama dan bantuan daripada jabatan-jabatan lain. Misalnya, di dalam usaha organisasi yang besar meliputi Jabatan Kesihatan, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah serta Lembaga Pelawat, penyertaan mereka ini boleh membantu usaha membenteras dan pemulihkan remaja yang terdedah kepada bahaya tersebut. Namun begitu penglibatan dan sokongan keluarga penghuni semasa menjalani proses pemulihan dan selepas dibebaskan juga penting kerana ianya merupakan kumpulan kawalan yang asas. Rajah 5, menunjukan carta perkhimatian bersepadu yang dimaksudkan itu.

Rajah 5: Perkhidmatan Bersepadu Ke Arah Proses Pemulihan



### 3.2 Pengalaman-Pengalaman Masa Lalu Penghuni

Selalu diperkatakan bahawa perlencongan norma-norma ada kaitan secara langsung dengan latarbelakang kehidupan individu itu. Dalam menganalisa mengenai kemungkinan-kemungkinan faktor yang menyebabkan penghuni atau penama melakukan sesuatu yang melanggar norma dan nilai. Pengkaji telah mengklassifikasikan kepada dua bentuk; pertama, faktor sosiologi; kedua, faktor psikologi.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini pengalaman-pengalaman seseorang berkembang melalui beberapa peringkat tertentu. Ia sering dipengaruhi oleh pertumbuhan biologikal, sosiologikal dan psikologikal individu. Faktor sosio boleh dianggap sebagai faktor external kerana ia melibatkan interaksi antara kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat. Sebagai contoh, semasa persekolahan, rakan-rakan sebaya dan rakan-rakan sekerja. Manakala bagi faktor psikologi boleh dikaitkan dengan faktor internal kerana ia melibatkan sikap yang mungkin timbul dari tekanan atau gangguan emosi seperti kekecewaan, kebosanan, agresif dan lain-lain.

Ahli-ahli psikologi berpendapat bahawa setiap individu mempunyai satu set pengalaman yang dikongsi bersama dengan orang lain. Pengalaman-pengalaman ini biasanya terjadi menurut jangkaan masyarakat dan budaya. Walaupun begitu terdapat sebahagian pengalaman yang menjadi hak peribadi

(absolute personal privacy). Ini menimbulkan masalah untuk menginterpretasikan pengalaman-pengalaman individu dengan melihat perlakuannya. (Norman K. Densin: 1977: 145)

Kehadiran proses undang-undang yang mempunyai peringkat tertentu seperti polis dan mahkamah akan memberi satu pengalaman yang mungkin mempengaruhi penama semasa menjalani proses pemulihan.

(a) Keluarga

Institusi kekeluargaan merupakan satu institusi yang terpenting di dalam proses pelanjutan dan perkembangan manusia. Di dalam mengkaji kejadian penyelewengan nilai dan norma masyarakat, institusi keluarga perlu mendapat perhatian yang utama. Ini kerana keluarga menjadi asas kepada proses sosialisasi manusia. Keberkesanan keluarga sebagai kumpulan kawalan sosial kerap dipersoalkan dan beberapa kajian telah cuba mencari dan mendapatkan faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan penyerapan (internalize) norma-norma konvensional itu. Menerusi institusi ini kanak-kanak akan menerima pengalaman-pengalaman awalan yang membentuk keperibadian mereka pada masa akan datang. Menurut Kat Fiedlander, zaman kanak-kanak merupakan zaman atau peringkat yang dianggap kritikal. (Don C. Gibbons: 1970: 23)

Perkembangan pengalaman individu melalui beberapa peringkat tertentu seperti; kanak-kanak, remaja, dewasa dan

tua. Setiap peringkat mempunyai talian yang rapat dengan peringkat sebelumnya.

Secara umumnya ramai yang berpendapat bahawa kepincangan keluarga dari segi fizikal mempunyai kesan yang negatif kepada anak-anak. Rose Giallambrado menyatakan, perpecahan keluarga diambil kira apabila struktur keluarga diasingkan daripada corak struktur yang ideal dalam masyarakat. Keadaan sebegini boleh menimbulkan kesan ke atas anak-anak kerana kekurangan penyusunan peranan yang teratur, kegagalan mengawal mereka dan ketidak sempurnaan kasih sayang ibubapa. (Rose Giallambrado: 1972: 233)

Walaupun begitu berdasarkan data yang diperolehi, terdapat dua bentuk kepincangan yang lahir dalam struktur kekeluargaan penama yang terlibat itu.

- i. Perpecahan dari segi sosiologi, iaitu bentuk fizikal yang diakibatkan dari kematian, perceraian dan perpisahan yang berpanjangan.
- ii. Perpecahan dari segi psikologi, iaitu berpunca daripada konflik, tekanan-tekanan, ketegangan dan tidak mempunyai kebahagiaan.

Jadual 4, mendapati 52.2 peratus daripada penama mempunyai keluarga yang lengkap. Manakala 42.2 peratus penama datang dari keluarga yang pincang. 21.1 peratus daripada perpecahan keluarga adalah akibat dari kematian

(14.1% kematian bapa, 4.2% kematian ibu dan 2.8% kematian ibubapa); 21.1 peratus lagi mengalami perpecahan akibat dari perceraian ibubapa. Dari jumlah itu hanya 8.5 peratus yang pernah mengalami kepincangan keluarga (kematian dan perceraian) telah mempunyai keluaga lengkap apabila bapa atau ibu penama berkahwin semula.

Jadual tersebut juga mencatatkan data mengenai siapakah penjaga penama semasa diberkas atau diserahkan untuk menerima perlindungan. Sebahagian besar penama berada di bawah jagaan ibu bapa iaitu 49.3 peratus, 22.6 peratus lagi penama berada di bawah jagaan ibu yang mengalami perpisahan dengan suami (kematian atau perceraian). Penama yang tinggal bersama bapa tiri atau ibu tiri adalah 9.8 peratus. Manakala 15.5 peratus dari penama mempunyai penjaga yang terdiri dari anggota-anggota keluarga lain dan keluarga angkat (anggota keluarga lain 12.7% dan keluarga angkat 2.8%).

Menurut Olson, Russell dan Sprenkle (1980) terdapat tiga fungsi utama keluarga iaitu :-

- i. famili menyediakan ikatan emosi antara ahli-ahlinya. Ini membentuk kesedaran mengenai kehendak dan jangkaan kumpulan primarinya.
- ii. famili juga merupakan model untuk penyesuaian seperti fungsi-fungsi asas, pembentukan dan cara-cara perhubungan dan lain-lain. Remaja

yang mempunyai penyesuaian yang terhad akan mengalami bentuk hubungan yang terbatas juga.

iii. famili menjadi asas kepada proses dan penyediaan pengalaman komunikasi bagi setiap anggotanya. Pengalaman ini dipelajari melalui peraturan, perhubungan, pendengaran dan kerjasama.

Para remaja yang mempunyai pengalaman yang sedikit di dalam ketiga-tiga fungsi keluarga itu akan mengalami masalah perkembangan sosial dan pemikiran. Ini mendedahkan mereka kepada perlakuan yang negatif. (G. A. Adam dan T, Gullotta: 1983: 234)

Dari data di atas boleh dibuat penilaian bahawa, walaupun sebahagian besar penama mempunyai keluarga yang lengkap tetapi ini tidak bermakna tiada keretakan keluarga. Misalnya, konflik antara ibubapa akan menimbulkan perasaan tidak selamat dan malu, tidak selesa serta hilang rasa 'sense of belongings'. Keretakan ini boleh melahirkan perlakuan yang negatif. Di sini kemungkinan muncul conflik nilai dan pertentangan idea-idea anak-anak dan ibubapa menyebabkan masalah emotional-difficulties dan behavioural problems. (P.B. Horton dan C.L. Hunt: 1978: 145)

Delinkwensi terjadi bukan sahaja berpunca daripada keruntuhan struktur rumah tangga secara fizikal malah lanjutan dari psikologikal juga. Menurut Lawrence Rosen, keluarga

yang boleh mendorong ke arah delinkwensi anak-anak dilihat dari segi, struktur, hubungan dan penurunan norma-norma yang devian. (Wolfgant et.al; 1968: 489)

Perpecahan psikologikal berkaitan dengan jenis dan jalinan hubungan antara ahli-ahli keluarga. Hubungan yang tidak stabil akan memberi kesan buruk kepada penama. Jadual 5, menunjukkan bahawa terdapat 60.5 peratus penama yang berkelakuan buruk terhadap ibubapa. 12.7 peratus mempunyai hubungan yang renggang dengan adikberadik. Ibubapa yang sering bergaduh atau tiada kesefahaman sejumlah 21.1 peratus.

Jadual 4: Status Perkahwinan Ibubapa Dan Penjaga Penama

| Status Perkahwinan        | Penjaga bapa | Kedua-dua Ibu | Anggota Kel. Ibu | Kel. Angkat Bapa | Ibu | Bapa & Ibu | Ibu & Tiri | Bapa & Tiri | %    |
|---------------------------|--------------|---------------|------------------|------------------|-----|------------|------------|-------------|------|
| Bapa meninggal            |              |               | 1                |                  | 9   |            |            |             | 14.1 |
| Ibu meninggal             |              |               | 1                |                  | 1   |            | 1          |             | 4.2  |
| Ibubapa meninggal         |              |               | 2                |                  |     |            |            |             | 2.8  |
| Bercerai/Berpisah         |              |               | 3                |                  | 1   | 7          | 3          | 1           | 21.1 |
| Bapa Kahwin lagi          |              |               |                  |                  |     |            | 1          |             | 1.4  |
| Kedua ibubapa kahwin lagi |              |               |                  |                  |     |            |            | 1           | 1.4  |
| Kedua ibubapa bersama     |              | 35            | 2                |                  |     |            |            |             | 52.5 |
| tidak diketahui           |              |               |                  | 2                |     |            |            |             | 2.8  |
| Jumlah                    |              | 49.3          | 12.7             | 2.8              | 2.8 | 22.6       | 7.0        | 2.8         | 100  |

Jadual 5: Jalinan Hubungan Antara Ahli-Ahli Keluarga

| Jenis Hubungan                 | Bilangan | %    |
|--------------------------------|----------|------|
| Anak melawan ibubapa/penjaga   | 43       | 60.5 |
| Ibubapa/penjaga bergaduh       | 15       | 21.1 |
| Hubungan adik-beradik renggang | 9        | 12.7 |
| Tiada lapuran                  | 4        | 5.6  |
| Jumlah                         | 71       | 100  |

Suasana perhubungan ahli-ahli keluarga seperti di atas boleh menjelaskan perkembangan dan pertumbuhan jiwa penama-penama. Hubungan yang negatif dan penurunan norma-norma yang bercanggah dengan kehendak masyarakat umum akan menyebabkan penama kehilangan model yang ideal untuk dicontohi. Menurut Albert Bandura, kanak-kanak lebih mudah membentuk corak personaliti menurut apa yang dipelajari dan boleh melahirkan personaliti yang buruk. Corak perhubungan yang renggang akan memberi kesan yang negatif iaitu 'neurosis' dan 'anxiety', ia juga akan mengwujudkan masalah kesukaran mengawal diri. (R.A. Goodde et.al: 1978: 579-580)

Kemungkinan dari keadaan sosiologikal dan psikologikal individu dan famili yang longgar akan memberi peluang penama untuk melakukan dan terpengaruh dengan elemen-elemen yang terpesong. Pergaulan dan kawalan yang tidak rapi seterusnya mengurangkan 'attachment' dan 'commitment' penama terhadap keluarga. Gangguan emosi yang dialami oleh penama berdasarkan pengalaman sekitarnya terutama dari keluarga yang pincang boleh melahirkan perlakuan delinkwensi untuk mendapatkan perhatian ibubapa yang mengenepikan mereka. (Raab, E: 1959: 42)

Pengalaman-pengalaman yang menganggu emosi penama boleh mengakibatkan mereka tidak berupaya bila berhadapan dengan tekanan dan konflik. Lanjutannya boleh menjelaskan corak pemikiran, perasaan dan tindakbalas individu untuk

menganalisa dan membentuk rancangan-rancangan yang berkesan dan betul. Tindakan ibubapa atau penjaga yang berbentuk 'paksaan' juga boleh merenggangkan hubungan kerana wujudnya tekanan emosi yang tinggi pada anak-anak. Menurut Sheldon dan Elenor Check, pemeliharaan di dalam suasana ketegangan emosi antara ibubapa boleh memberi kesan kepada perkembangan yang kurang sihat kepada diri anak-anak. Faktor ini boleh membawa kepada perlakuan yang melencong dari norma. (Sheldon dan E, Check: 1949: 122)

Walau bagaimanapun tanggapan yang menyatakan kanak-kanak yang mengalamai kepincangan atau 'defective family relationships' bukan merupakan faktor utama yang membawa kepada delinkwensi seperti mana kata Shaw dan Mc Kay (R. Giallambardo: 1972: 241)

Pada umumnya kanak-kanak yang mengalami masalah ini tidak terus tersebut dalam perlakuan delinkwensi. Perpecahan keluarga boleh menjadi satu ciri yang berkebolehan mengurangkan pembentukan 'norm of conduct' dan kecacatan pengalaman individu yang terlibat sahaja.

(b) Kedudukan Ekonomi Keluarga

Di samping itu kedudukan ekonomi dan jenis pekerjaan ibubapa kerap diperkatakan berhubungkait dengan keberkesanan proses sosialisasi anak-anak. Bila dihubungkan delinkwensi dengan kedudukan ekonomi didapati ianya mende-

kati golongan kelas bawahan. Melvin Kohn misalnya, telah cuba menghubungkan kedudukan status atau klas dengan keadaan kehidupan yang buruk boleh melahirkan kesan yang negatif terhadap 'conception of reality' dan tindakbalas yang lemah pada sesuatu tekanan. (C.E. Hurst: 1979: 201)

Jadual 6 dan jadual 7 menjelaskan mengenai kedudukan pendapatan dan pekerjaan ibubapa atau penjaga penama. Pertama pengkaji melihat jenis pekerjaan bapa penama; didapati sebahagian besar pekerjaan yang dilakukan memerlukan tumpuan masa dan tenaga. Jenis-jenis pekerjaan tersebut seperti peniaga, buruh, pembalak, pengawal keselamatan dan pekerja kilang yang mengandungi 60.5 peratus. Manakala didalam sektor pertanian pula sejumlah 12.7 peratus; dan bapa atau penjaga yang tiada pekerjaan, pencen atau sakit ialah 14.1 peratus. Jikalau dilihat dari segi pendapatan pula (ketua kilang), 53.5 peratus berada dibawah \$400 ringgit sebulan dan selebihnya berada ditahap \$400 ringgit keatas sebulan atau tidak dinyatakan.

Jadual 7, menunjukkan sejumlah 40.2 peratus ibu penama yang mempunyai pekerjaan. Pekerjaan yang dilakukan seperti menjaja, pembantu rumah, tukang jahit, tukang masak, buruh dan pekerja kilang dan petani. Jenis-jenis pekerjaan diatas juga memerlukan tumpuan tenaga. Pendapatan yang diperolehi dalam sebulan berada ditahap yang rendah iaitu dibawah \$400 ringgit. Misalnya, 22.5 peratus berada diperingkat

\$101-\$200 sebulan. Keadaan ekonomi keluarga menjadi punca ibu penama terpaksa bekerja dan untuk menggantikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga setelah perceraian atau kematian suami.

Merujuk kepada tumpuan memperolehi saraan hidup, ibubapa telah mengabaikan atau kekurangan masa untuk bersama anak-anak. Suasana ini tidak sesuai untuk mendidik dan memberi kawalan yang Sempurna.

Walaupun 59.2 peratus ibu penama yang merupakan surirumahtangga dan tidak bekerja tetapi mereka kerap mengabaikan tanggungjawab mengawal dan mengambil berat hal anak-anak mereka. Faktor ini memberi peluang kepada penama memperolehi pengalaman-pengalaman yang negatif dari kumpulan-kumpulan di luar keluarga.

Pendekkata, kedudukan ekonomi keluarga boleh merenggangkan hubungan ibubapa dan anak-anak. Pengabaian tanggungjawab mengwujudkan kawalan luaran dan dalaman diri anak-anak longgar, ini memudahkan mereka terlibat dalam kegiatan yang merosakkan akhlak.

Jadual 6: Pekerjaan\_dan\_Pendapatan\_Bapa/Penjaga

| Pekerjaan  | \$100<br>\$200 | \$101-<br>\$300 | \$201-<br>\$400 | \$301-<br>\$400 | \$400 | Tiada<br>Ke-<br>atas |
|--|----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-------|----------------------|
| Peniaga/Penjaga                                  |                |                 |                 | 1               | 9     |                      |
| Pemandu/bas/<br>lori/teksi                       |                |                 |                 |                 | 9     |                      |
| Buruh/pembalak/<br>kilang/pegawai<br>keselamatan | 2              | 9               | 8               |                 | 5     |                      |
| Nelayan/penoreh/<br>petani/kerja<br>sendiri      |                | 4               | 4               |                 | 1     |                      |
| Pencen/sakit/<br>tidak bekerja                   |                |                 | 3               |                 | 7     |                      |
| Tidak dinyatakan                                 |                |                 |                 |                 |       | 9                    |
| Jumlah   | -              | 2.8             | 18.3            | 22.5            | 33.8  | 22.5                 |

Jadual 7: Pekerjaan\_Dan\_Pendapatan\_Ibu/Penjaga\_Penama

| Pekerjaan  | \$100<br>\$200 | \$101-<br>\$300 | \$201-<br>\$400 | \$301-<br>\$400 | \$400 | Tiada<br>Ke-<br>atas |
|--|----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-------|----------------------|
| Surirumahtangga  |                |                 |                 |                 |       | 42                   |
| Penjaga/Peniaga  |                | 1               | 1               | 1               |       |                      |
| Pembantu rumah/<br>T. Jahit/Tukang<br>masak/Buruh kilang | 3              | 8               | 2               | 2               |       |                      |
| Petani/Penoreh<br>getah                                  |                | 7               | 4               |                 |       |                      |
| Tua/sakit  |                |                 |                 |                 |       | 4                    |
| Jumlah   | 4.2            | 22.5            | 9.9             | 4.2             | -     | 59.2                 |

(c) Pencapaian Pendidikan

Sekolah sebagai kumpulan primary tidak kurang pentingnya di dalam membentuk kawalan sosial. Ini bermakna institusi persekolahan mempunyai potensi untuk mempengaruhi perlakuan dan seterusnya mendidik individu menjadi anggota masyarakat yang berguna. Menurut Stulken sekolah bertujuan untuk menolong kanak-kanak mengenalpasti keupayaan mereka dari segi akademik serta membina personaliti yang baik dari sudut kematangan fizikal, kepercayaan, moral dan intelektual.

Ramai pengkaji mendapati bahawa perbuatan delinkwensi lebih kerap berlaku apabila terjadi keciciran dan 'poor adjustment' semasa di bangku sekolah seperti kata Call (1905), Polk dan Halferty (1966). Manakala Albert Cohen menyatakan delinkwensi merupakan lanjutan dari rasa kecewa dan diskriminasi akibat perbezaan status. Kekecewaan di bangku sekolah sering berlaku di kalangan kelas bawahan dan ini memberi beberapa alternatif kepada mereka untuk meninggalkan sistem yang mengwujudkan perbezaan itu. (Wolfgang et.al; 1968: 481-482)

Menerusi jadual 8, pengkaji mendapati bahawa majoriti penama mempunyai taraf pendidikan yang rendah. 90.2 peratus penama hanya mendapat pendidikan hingga peringkat sekolah menengah bawah sahaja. (42.4% sekolah rendah; 47.9% sekolah menengah bawah). Terdapat juga sebilangan kecil

penama mencapai taraf pelajaran sehingga sekolah menengah atas iaitu 5.6 peratus. Manakala 4.2 peratus penama lagi tiada memperolehi pendidikan formal. Sebahagian besar penama menamatkan persekolahan di antara umur 12 tahun hingga 15 tahun.

Sebab keciciran penama di dalam bidang pelajaran kerana desakan ekonomi, tidak berminat, lemah dan gagal untuk mencapai kelulusan yang baik. Penama yang mengalami desakan ekonomi dan tidak berminat untuk meneruskan persekolahan sejumlah 32.4 peratus. Keciciran disebabkan kurang berminat, lemah dan sebagainya (lain-lain faktor) mempunyai sejumlah 47.9 peratus. Hanya 19.7 peratus sahaja yang gagal ketika menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Pelajaran Malaysia.

Memandangkan penama meninggalkan zaman persekolahan pada peringkat umur yang rendah dan tiada mempunyai matlamat dan tanggungjawab akan memberi peluang mereka memilih beberapa alternatif yang difikirkan baik. Fungsi sekolah sebagai institusi pendidikan, panduan, kesedaran dan kemahiran akan hilang apabila berlakunya keciciran pada peringkat awal lagi.

Jadual 8: Tahap Persekolahan Dan Sebab-Sebab Berhenti

| Alasan<br>Bersekolah  | Tidak<br>berminat<br>&desakan | Desa-<br>kan<br>&desakan<br>Eko-<br>nomi | Tidak<br>ber-<br>minat<br>dan<br>lemah | Tidak<br>ber-<br>minat<br>lain- | Gagal | %    |
|-----------------------|-------------------------------|--|--|---------------------------------|-------|------|
| Taraf<br>Persekolahan | Taraf<br>Persekolahan         |  |  |                                 |       |      |
| Tidak<br>Bersekolah   |                               | 2  |  | 1                               |       | 4.2  |
| Sekolah<br>Rendah     | 2                             | 16                                       | 7                                      | 5                               |       | 42.3 |
| Sek. Men.<br>Rendah   | 1                             | 2  | 18                                     | 13                              |       | 47.9 |
| Sek. Men. Atas        |                               |  |  | 3                               | 1     | 5.6  |
| Jumlah                | 4.2                           | 28.2                                     | 35.2                                   | 12.7                            | 19.7  | 100  |

Pendidikan formal bukan sahaja membekalkan pengetahuan untuk mendapatkan pekerjaan malah ia menyediakan satu set pengalaman baru yang berguna bagi berinteraksi dengan masyarakat. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan bantuan guru, rakan sekelas dan kurukulum pelajaran yang mempunyai unsur-unsur pengajaran moral. Dari sini timbul kesedaran di kalangan remaja betapa pentingnya kawalan sosial dan justeru itu mereka akan mengakui kesalahan undang-undang negara.

Keciciran penama bukan sahaja berpunca dari masalah ekonomi dan keupayaan menerima pelajaran, malah ianya lanjutan dari kedudukan keluarga yang tidak stabil dan pandangan mereka terhadap pendidikan adalah rendah. Misalnya, penama yang datang dari keluarga yang pincang dan tidak stabil

mempunyai pengalaman-pengalaman yang negatif, personaliti mereka akan bertambah buruk apabila berhadapan dengan guru dan teman belajar yang menggunakan label dan stigma yang kurang baik berikutan dari latarbelakang diri penama. Masyarakat secara umumnya tidak lagi menganggap sekolah sebagai pusat pendidikan moral tetapi menilai pencapaian akademik semata-mata. Semua ini merupakan pengalaman yang boleh menimbulkan tekanan dan kekecewaan kepada penama. Tambahan lagi kegagalan di dalam mencapai akademik yang baik akan memisahkan individu dengan masyarakat yang menilai mereka sebagai telah gagal dalam kehidupan.

(d) Persekutaran\_Tempat\_Tinggal

Kediaman penama dan keluarga juga boleh mempengaruhi corak pengalaman seseorang. Jikalau penama tinggal di dalam kawasan setinggan di bandar akan merasa malu dan cuba meniru gaya hidup mereka yang berada. Pengalaman seperti ini biasanya boleh membawa kepada perlakuan yang tidak bermoral kerana keinginan memenuhi keperluan yang tidak mungkin dicapai melalui cara-cara yang sah.

Walaupun semua penama diberkas di kawasan-kawasan bandar ini tidak bermakna mereka berasal dari sana. Menurut jadual 9, menunjukkan kawasan kediaman asal penama. Jumlah yang berasal dari bandar ialah 61.9 peratus (bandar besar 14%; bandar kecil 11.2% dan kawasan setinggan atau kampong baru Cina 36.7%). Manakala penama yang berasal

dari kawasan luar bandar pula 38 peratus (kampong atau kampong baru 33.8% dan estet atau tanah rancangan 4.2%).

Jadual 9: Kawasan\_Kediaman\_Asal\_Penama\_Menurut\_Ethnik

| Sektor | Ethnik                | Melayu     | Cina       | India    | Jumlah |
|--------|-----------------------|------------|------------|----------|--------|
|        | Kawasan               |            |            |          |        |
| Bandar | Bandar besar          | 4.2% (3)   | 7% (5)     | 2.8% (2) | 14%    |
|        | Bandar kecil          | 2.8% (2)   | 5.6% (4)   | 2.8% (2) | 11.2%  |
|        | Setinggan/kg. baru    | 11.3% (8)  | 25.4% (18) | -        | 36.7%  |
| Luar   | Cina                  |            |            |          |        |
|        | Kampong/kg. baru Cina | 16.3% (12) | 16.9% (12) | -        | 33.8%  |
| Bandar | Estet/tanah rancangan | 2.8% (2)   | -          | 1.4% (1) | 4.2%   |
|        | Jumlah                | 38.03%     | 54.93%     | 7.4%     | 100    |

Dari apa yang diperolehi ramai penama yang berasal dari kawasan-kawasan yang mempunyai taraf sosial yang rendah iaitu kawasan setinggan, Kampong baru, kampong tradisional dan ladang. Secara kasar dapat dirumuskan bahawa ini menunjukkan ramai penama dari keluarga rendah perkapitanya. Tambahan pula kawasan-kawasan kediaman mereka mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang kurang. Semua ini memungkinkan penama bertindak untuk lari atau berhijrah ke kawasan yang dijangkakan dapat memberi kepuasan dan kesenangan hidup. Kejadian ini kerap berlaku kerana pengalaman

mereka yang sentiasa hidup dalam keadaan yang serba kekurangan dari segi psikologikal dan sosiologikal.

(e) Pengaruh\_Rakan\_Sebaya\_Dan\_Pekerjaan

Keadaan yang serba kekurangan sebelum ini telah banyak meninggalkan kesan yang mendalam kepada emosi. Mereka ini tidak teragak-agak untuk melepaskannya melalui apa cara sekalipun. Individu yang tiada mempunyai proses sosialisasi yang sempurna kerap mengalami konflik ketika berinteraksi dalam masyarakat. Oleh itu mereka akan membentuk satu sub-culture di kalangan individu yang mempunyai atau melalui pengalaman yang serupa. Pergaulan yang lahir bukan sahaja berkongsi nilai yang sama seperti kedudukan pelajaran, umur, kelas sosial atau bangsa, bahkan perlakuan, cintarasa dan kepercayaan. Jelas menunjukkan persahabatan kerap berasaskan kepada persamaan ideal dari persamaan personaliti.

Ramai di antara para penama mempunyai pergaulan yang bebas. Rakan-rakan merupakan satu sumber yang memperkenalkan mereka kepada perlakuan yang keji atau pekerjaan yang tidak bermoral. (Samsiah: 1977: 54). Penama mudah terpengaruh kerana adanya kelonggaran 'self-concept', 'self-esteem' dan 'self-control'.

Dari keterangan yang diperolehi dari penama didapati ramai di antara mereka mempunyai hubungan dengan mereka yang telah terlibat dengan aktiviti-aktiviti penyele-

wengan dan keruntuhan akhlak setelah gagal atau mengalami keciciran di bangku sekolah. Pada pendapat Bryan (1965) dan Young (1967), penglibatan individu ke dalam perlakuan keji ini pada dasarnya dari cadangan, pengalaman, pengetahuan, galakkan atau paksaan seseorang. Mereka itu terdiri daripada adik-beradik, rakan, teman lelaki dan bapa ayam atau ibu ayam. (R.L. Akers; 1973:142)

Jadual 10, menunjukkan bagaimana penama berkenaan mendapatkan perkerjaan sebelum dan semasa diberkas. 42.3 peratus memperolehi pekerjaan kerana terpengaruh dan melalui orang yang dikenali. Mereka ini terlibat secara langsung setelah berkenalan dengan rakan, teman lelaki dan saudara-mara yang telah terlibat dalam perlakuan delinkwensi.

Melalui jadual yang sama menunjukkan jenis pekerjaan penama semasa diberkas, 77.5 peratus daripada penama menjalankan pekerjaan yang melanggar norma-norma masyarakat, serta menghampiri keruntuhan akhlak. Penama yang mempunyai pekerjaan yang menghampiri keruntuhan akhlak ialah 19.7 peratus (penari, pelayan bar atau kelab malam). Penama yang menjalankan pekerjaan berbentuk penjualan perkhidmatan seksual adalah 57.8 peratus (pelacur, tukang urut dan pelacur, tukang urut, tukang gunting dan pelacur). Selebihnya diberkas bukan kerana jenis pekerjaan tetapi kesalahan-kesalahan melibatkan kes-kes khalwat, call-girl dan tidak terkawal oleh penjaga.

Ahli-ahli psikologis menyatakan akibat kekecewaan untuk mencapai sesuatu matlamat boleh menimbulkan kelakuan yang agresif. Ia boleh berlaku lanjutan dari pengalaman awal individu bersama keluarga, sekolah, keadaan persekitaran dan rakan-rakan. (Alex Thio; 1983:120-21)

Kemungkinan faktor ini mengakibatkan penama terde dah dengan pergaulan dan pekerjaan yang buruk itu. Misalnya, penama-penama Cina sebelum terlibat dengan pekerjaan keji telah biasa bergaul dengan pelanggan lelaki melalui pekerjaan di kedai-kedai rambut 'unisex'. Ramai dari mereka telah terpengaruh dan ada juga secara sukarela mengikut teman lelaki yang ada kaitan dengan pekerjaan keji itu.

Jadual 10: Jenis Pekerjaan Dan Cara Memperolehinya

| Jenis Pekerjaan   | Cara Memperolehinya | Suka-rela (sen-dir) rakan diri | Terperngaruh rakan-rakan | Melalui orang yang di-kenali | Paksaan/ter-tipu | Tiada | %    |
|-------------------|---------------------|--------------------------------|--------------------------|------------------------------|------------------|-------|------|
| Pelacur           |                     | 7                              | 9                        |                              | 6                |       | 31   |
| T.Urut & Pelacur  |                     | 3                              | 3                        |                              | 3                |       | 12.7 |
| Penari/Pelayan    |                     |                                |                          |                              |                  |       |      |
| Bar               |                     | 4                              | 10                       |                              |                  |       | 19.7 |
| Pembantu Rumah    |                     |                                |                          | 2                            |                  |       | 2.8  |
| Jurujual/Kilang   |                     | 2                              | 1                        | 1                            |                  |       | 5.6  |
| Kerja Pejabat     |                     | 1                              |                          |                              |                  |       | 1.4  |
| T.Gunting/Pelacur |                     |                                |                          |                              |                  |       |      |
| T.Urut            |                     | 3                              | 3                        |                              |                  |       | 9.9  |
| Tidak bekerja     |                     |                                |                          |                              |                  | 9     | 12.7 |
| Jumlah            |                     | 28.2                           | 42.3                     | 4.2                          | 12.7             | 12.7  |      |

Kemudian jadual 11 pula mendapati sebahagian besar penama semasa di berkas tinggal diluar lingkungan keluarga. Kelonggaran kawalan ibubapa memberi peluang penama bergaul dengan lebih bebas. Mereka dikatakan meninggalkan dan mela-rikan diri (run-away). Maka tidak hairan jika 35.2 peratus penama yang diberkas tinggal di rumah atau bilik yang disewa; 28.2 peratus tinggal di hotel, rumah pesundalan dan rumah urut; 21.1 peratus 'bersekedudukan' dengan teman lelaki dan selebihnya berada bersama dengan ibubapa atau penjaga; abang, kakak, saudara-mara dan lain-lain.

Melalui pengaruh rakan-rakan membolehkan mereka mempelajari pengalaman-pengalaman baru dan perlakuan yang sesuai dengan pengalaman itu. Ini bersesuaian dengan teori 'defferential association' (Sutherland) dan teori pembelajaran sosial (A. Bandura). Bagi Kinseny pula menganggap perlakuan sexual manusia muncul dari hasil pembelajaran dan 'conditioning'. 80 peratus dari penama yang ditemuduga mempunyai pengalaman sexual awal dengan individu lain terutama teman lelaki. Sesuai dengan pendapat Ford dan Benck yang menyatakan keinginan sexual dipengaruhi dari dua segi, pertama, dari beberapa bentuk ransangan yang boleh menimbulkan keinginan sexual iaitu melalui pembelajaran; kedua, melalui pengalaman masa lalu individu. (Ford dan Benck: 1951: 262)

Salah satu faktor penarik kepada perlakuan ini ialah ganjaran yang lumayan. Walaupun pada peringkat awal

mereka menganggap perlakuan itu sesuatu yang salah tetapi setelah menerima 'keuntungan' ianya akan dipositifkan serta meneutralisasikan perbuatan itu. (Jackman et.al; 1963:154-55)

Di kalangan pengkaji-pengkaji lain berpendapat pernyelewengan sexual dilakukan dengan memperolehi status tertentu. (Reiss: 1961: 293). Berdasarkan kepada jadual 11, terdapat penama yang tinggal bersama dengan teman lelaki bukan sahaja untuk mendapatkan perlindungan malah bertujuan untuk diterima dan mengikat lelaki itu kepadanya.

Jadual 11: Kediaman\_Penama\_Semasa\_Diberkas

| Kediaman Gadis Semasa Diberkas                  | Bilangan | %    |
|---|----------|------|
| Rumah/bilik sewaan                              | 25       | 35.2 |
| Bersama ibubapa                                 | 4        | 5.6  |
| Bersama abang/kakak/saudara-mara                | 3        | 4.2  |
| Bersama teman lelaki dengan pengetahuan ibubapa | 3        | 4.2  |
| Bersama teman lelaki tanpa pengetahuan ibubapa  | 12       | 16.9 |
| Hotel/rumah pensudalan/rumah urut               | 20       | 28.2 |
| Lain-lain                                       | 4        | 5.6  |
| Jumlah  | 71       | 100  |

Perbincangan tentang masalah keruntuhan akhlak gadis-gadis tidak harus mengenepikan kedudukan angkubah-angkubah lain seperti kerelaan individu kerana tertarik dengan keuntungan, keseronokan dan kesempatan.

Di samping itu kita ketahui perbuatan yang melanggar norma-norma sosial tidak dilakukan secara bersendirian. Kerap penglibatan beberapa individu lain seperti, teman lelaki dan kenalan wanita. Mereka pada mulanya akan disuakan dengan janji dan tawaran yang menarik. Jadual 11 menunjukkan 12.7 peratus penama telah ditipu atau dipaksa melakukan pekerjaan persundalan dan tukang urut. Kegiatan menipu dan mengugut gadis-gadis dijalankan oleh sendiket-sendiket yang memeras wang pendapatan penama.

Sebelum ini telah ditunjukan data mengenai taraf pencapaian pelajaran dan jenis pekerjaan yang diperolehi oleh penama. Pekerjaan yang sah dari segi norma dan nilai sosial pada hakikatnya menawarkan pendapatan yang rendah. Oleh itu sejumlah 22.6 peratus mempunyai pekerjaan yang berpendapatan rendah (pembantu rumah 2.8%, jurujual atau buruh kilang 5.6% dan kerja pejabat 1.4%) dan darinya 12.7 peratus tidak mempunyai pekerjaan.


Memandangkan kawasan yang mereka diami iaitu bandaraya dan bandar-bandar kecil (urban area), maka sudah tentu penama menghadapi kesulitan kewangan untuk menampong cara hidup yang bersesuai dengan gaya dibandar. Oleh itu mereka dengan mudah terpengaruh dan tertarik apabila rakan atau teman lelaki menawarkan pekerjaan yang tidak memerlukan kelulusan yang tinggi dengan gaji yang lumayan.

Namun begitu faktor kesempatan juga memainkan peranan untuk menjayakan perlakuan delinkwensi ini. Misalnya, terdapat banyak tempat-tempat tersembunyi dan kelonggaran undang-undang. Beberapa orang penama menyatakan mereka bukan sahaja memperolehi wang yang banyak tetapi mendapat pelbagai perlindungan untuk menjalankan aktiviti mereka. Kewujudan undang-undang dan hukuman yang tidak tegas akibat daripada tiadanya satu undang-undang yang menyeluruh merumitkan penguatkuasa dilakukan. Misalnya, di negara ini ada beberapa agensi penguatkuasa undang-undang seperti polis, immegegesyen, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menjalankan tugas menerusi saluran-saluran yang berlainan dan tidak seragam. Keadaan ini memberi peluang kepada pengusaha rumah pesundalan, urut dan kelab malam mengambil pekerja di bawah umur. Ekoran dari sini penama yang terlibat hilang rasa takut terhadap undang-undang dan ini membentuk pengalaman yang negatif.

Pengalaman-pengalaman penama melibatkan faktor-faktor individual dan sosial. Pengalaman yang negatif kerap lahir apabila adanya dorongan-dorongan seperti yang telah dinyatakan. Tekanan dalam diri individu boleh membangkitkan kesan buruk kepada emosi, psikologikal dan psisiologikal. Seterusnya individu akan menghadapi beberapa masalah ketika berinteraksi dengan masyarakat yang telah menggariskan jangkaan-jangkaan tertentu. Semua ini memberi satu set

pengalaman yang mencorakkan perlakuan individu. Rajah 6, menunjukkan kesan terhadap personaliti seseorang individu di dalam menghadapi tekanan-tekanan di luar kemampuannya yang boleh mempengaruhi perubahan perlakuan.

GAMBARAJAH 6: Kesan tekanan (Stress) Terhadap Personaliti Individu



(f) Pengalaman\_Semasa\_Proses\_Undang-Undang

Proses undang-undang bermula ketika penama diberkas atau diserahkan untuk menerima perlindungan. Misalnya penama biasanya diberkas oleh pihakberkuasa kemudian diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk siasatan lanjutan dan kemudian dihadapkan ke Mahkamah. Sepanjang proses ini sudah pasti penama akan mengalami beberapa pengalaman baru. Kesan daripada pengalaman ini boleh mempengaruhi keberkesanan proses pemulihan.

i. Polis,\_Immigresyen,\_Pegawai\_Pencegah\_Maksiat

Secara umumnya agensi penguatkuasa di atas merupakan agen pengawalan sosial yang penting. Ini bagi memastikan undang-undang yang bertulis dipatuhi dan dihormati. Dalam menjalankan penguatkuasaan mereka mempunyai cara dan pertimbangan sendiri terhadap individu yang dipercayai bersalah. Mereka akan menggunakan beberapa tanggapan terhadap individu tersebut untuk memperolehi keterangan-keterangan awal. Penama yang terlibat akan merasai satu pengalaman baru dalam proses ini. Menurut J.D, Cohman, proses pemulihan yang terawal sekali adalah ketika penama diberkas dan perhubungan yang tidak langsung dengan penguatkuasa.

Setiap anggota masyarakat mempunyai tanggapan yang berbeda bila berhadapan dengan seseorang anggota penguatkuasa seperti takut, bimbang dan benci kerana mereka ber-

sikap kasar atau tidak bertimbangrasa. Oleh itu jika penama telah dilabelkan sebagai 'pesalah' ini bermakna cara menguruskan dan mendapatkan maklumat juga dilakukan seperti penjenayah. Di sini perlu disedari bahawa delinkwensi tidak mempunyai pengertian yang sama dengan penjenayah secara total. Dalam menghadapi penama pihak berkuasa mesti bersifat terbuka dan bersedia mendengar pengaduan dan motif perlakuan mereka sebelum melabelkan atau mengkritik mereka.

### ii. Pengalaman\_Di\_Mahkamah

Melalui Akta Perlindungan Wanita Dan Gadis 1973, seksyen 10.1 menggariskan jika Pelindung mendapati gadis atau perempuan mempunyai kemungkinan atau terdedah kepada bahaya keruntuhan akhlak boleh dipindahkan ke suatu tempat perlindungan. Mereka akan melalui proses tahanan sementara di dalam tempuh 24 jam sebelum dihadapkan kemuka pengadilan. Jika Mahkamah Mejistret berpendapat bahawa penama termasuk di dalam seksyen kecil (1), Mahkamah boleh memerintahkan perempuan itu di tahan tidak lebih dari satu bulan tempuh tahanan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Seterusnya baru penama itu dijatuhkan hukuman untuk diberi perlindungan jika Mahkamah Mejistret merasakan perlu.

Semasa melalui proses ini penama akan terus mengalami pelbagai situasi yang boleh memberi kesan kepada personaliti. Sebelum menerima perintah mahkamah yang

mutlak, penama akan ditahan di pusat-pusat perlindungan. Keadaan ini merupakan satu pengalaman buruk bagi mereka yang sebelum ini menikmati kebebasan. Kemungkinan penama akan alami tekanan-tekanan yang hebat seperti dari Pelindung dan suasana pusat. Ini boleh mengganggu emosi dan menambahkan pengalaman buruk mereka.

Lanjutan dari sini pengalaman di mahkamah akan meneruskan tekanan emosi kerana apabila dijatuhkan hukuman penama akan mengwujudkan dua alternatif untuk menyangkal kesalahan itu; pertama, mengenepikan pandangan konvensional itu. Ini sama seperti teori 'technique of neutralization' oleh Matza.

Ramai penama tidak menyedari akan adanya akta itu. Jadi secara tidak langsung menganggap bahawa sistem perundangan itu tidak adil;

- i. mereka menyadari bahawa masih ramai yang terlibat dalam pekerjaan keji itu tidak dikenakan tindakan undang-undang terutama bagi yang telah mencapai umur 21 tahun ke atas.
- ii. mahkamah pada dasarnya hanya merujuk kepada butir-butir keterangan pihak kedua mengenai diri mereka.
- iii. mahkamah (hakim) biasanya terdiri dari golongan atasan yang tidak memahami masalah-masalah mereka masa lalu.

Di samping itu penama merasakan diri mereka seperti penjenayah kerana dibicarakan dahulu. Pengalaman seperti ini boleh meninggalkan kesan buruk kepada penama, misalnya mereka akan bergaul dengan golongan yang mempunyai identiti yang sama setelah menganggap mereka sebahagian dari pesalah.

Menurut Richard V. Ericson; pengalaman di mahkamah akan mencorakkan penama semasa berada dalam perlindungan. Katanya :

"While these facts are often contradicted by official facts, they are most influential in accentuating a sense of powerlessness. In any case, deference and complacency in the court room is an important learning experience for it provides a pattern of follow the moment the inmate steps inside the detention center."

(R. V. Ericson; 1975: 48)

Dari penerangan di atas dapat dinyatakan bahawa seseorang individu akan mengalami pelbagai pengalaman yang memberi corak kepada perlakuan mereka. Ini bermakna pengetahuan mengenai pengalaman seseorang penama yang sedang menjalani proses pemulihan amat penting bagi membentuk satu set pengalaman yang positif.

## BAB IV

### PENGALAMAN PENAMA MELALUI PROSES PEMULIHAN

#### 4.1 Pengenalan

Di dalam BAB III, pengkaji telah menganalisa bagaimana angkubah-angkubah tertentu seperti struktur keluarga, kedudukan ekonomi keluarga, pencapaian di dalam pendidikan formal, suasana persekitaran, pengaruh rakan-rakan sebaya, jenis pekerjaan dan proses undang-undang yang dilalui mempengaruhi dan membentuk pengalaman dan seterusnya perlakuan penama. Pengalaman-pengalaman penama berdasarkan angkubah-angkubah tersebut boleh mendorong mereka dalam melakukan sesuatu menurut jangkaan masyarakat atau sebaliknya. Misalnya, tindakbalas yang terhasil dari pengalaman yang negatif akan berkemungkinan membawa penama terjebak ke dalam pelencongan.

Dalam BAB ini, pengkaji akan menilai samaada penama yang mengalami pengalaman buruk masalalu meninggalkan kesan atau mempengaruhi proses pemulihan. Di sini perlu disedari bahawa sepanjang tempoh pemulihan penama juga terdedah dengan pelbagai bentuk pengalaman baru yang dapat dipelajari. Maka melalui kedua-dua jenis pengalaman itu secara tidak langsung boleh dijadikan angkubah untuk menilai keberkesanan proses pemulihan yang dilakukan dengan dua cara; pertama setelah penama bebas daripada pusat dan kedua, semasa penama berada di dalam sesuatu institusi pemulihan atau tahanan. (R. Hood & R. Sparks; 1970: 171-176)

Bersesuaian dengan kajian, pengkaji hanya akan menggunakan kriteria kedua di dalam menganalisa keberkesan proses pemulihan. Ini dilakukan dengan melihat sejauh mana perubahan tingkahlaku dan sikap penama terhadap program-program pemulihan tersebut untuk memenuhi matlamat pusat itu. Kriteria pertama tidak dapat digunakan kerana tiada mempunyai data-data yang mencukupi.

Berhubung dengan persoalan di atas, pengkaji akan menganalisa tindaktanduk penama berkaitan dengan; pertama, kepatuhan penama kepada peraturan dan program pemulihan, kedua, jalinan hubungan penama dengan penama. Setiap perhubungan dan tidakbalas penama semasa menjalani pemulihan adalah lahir dari pengalaman masalalu dan pengalaman persekitaran pusat.

Secara umum pusat ini merupakan sebuah institusi pemulihan yang bersifat total. Ini bermakna penama akan menghadapi beberapa corak kehidupan yang berbeza dengan masalalu yang bebas. Misalnya dari segi;

- i. pengenaan kawalan yang ketat (regimentation), maka penama akan merasai kehilangan kebebasan dan mesti patuh kepada corak perlakuan yang telah digariskan melalui jadual harian.
- ii. selanjutnya, penama akan mengalami pembatasan peranan (role) sebagai ahli masyarakat biasa.

Kedua-dua ciri kehidupan di atas berkemungkinan memberi kesan terhadap pembentukan pengalaman baru dan keberkesanan proses pemulihan.

#### 4.2 Jalinan\_Hubungan\_Penama\_Dengan\_Kakitangan\_Pemulihan

Pada peringkat pemulihan kakitangan elemen yang melanjutkan proses kawalan sosial. Ini bermakna kawalan dan attachment yang kukuh cuba dibentuk bagi melahirkan identiti yang positif. Keberkesanan proses pemulihan bergantung kepada corak jalinan hubungan di antara penama dengan kakitangan. Ciri-ciri yang penting seperti kesefahaman, kerjasama dan integrasi boleh merapatkan hubungan kedua-dua pihak ini. Seterusnya membolehkan terbina set-set pengalaman semasa yang berguna bagi memenuhi jangkaan masyarakat.

Namun begitu pada hakikatnya terdapat kerenggangan hubungan di antara penama-kakitangan pusat ini. Pertama terdapat jurang yang luas dari segi pandangan kedua-dua pihak antara satu sama lain. Ini dapat dilihat dari dua sudut :

- i. pandangan kakitangan terhadap penama
- ii. tindakbalas penama lanjutan dari tindakan-tindakan yang diambil ke atas mereka.

Kakitangan menganggap mereka mempunyai kedudukan atau status yang perlu dihormati, misalnya dengan panggilan

'Puan' dan 'Cik'. Oleh itu di dalam membuat penyesuaian penama akan cuba memenuhi peraturan dan cara pergaulan seperti mana yang dikehendaki. Walaupun ada sebilangan penama yang bersikap berpura-pura. Sikap ini kerap ditunjukkan dengan melakukan aktiviti dan program pemulihan dengan cara 'sambil lewa' dan tidak bersungguh-sungguh. Fenomena ini terjadi kemungkinan dari perasaan takut kepada golongan superior (kakitangan). Di sini perlakuan penama dari segi luaran atau fizikal dilakukan hanya untuk menutupi rasa tidak puashati mereka terhadap kakitangan pusat. Sebagai contoh kenyataan salah seorang kakitangan pusat;

"Ramai di antara penama yang cuba mengelakkan diri dari sesuatu aktiviti dengan memberi alasan seperti sakit dan bosan dengan aktiviti yang sama sahaja. Oleh itu penglibatan mereka tidak memuaskan dan hasil kerja seperti melepaskan batuk ditangga sahaja."

Malah terdapat segelintir kakitangan yang masih mempunyai tanggapan yang negatif terhadap penama. Sebagai contoh, kakitangan kerap bertindak mengikut perasaan dan mengeluarkan kata-kata yang kasar. Lanjutan dari sini kakitangan terus menganggap penama sebagai sampah masyarakat, tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dipercayai. Keadaan seperti ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh P. Rema Devi di Taman Seri Puteri Ceras, Selangor (1982).

Di sini menunjukkan terdapat sikap saling bertentangan (antagonistik) penama dengan kakitangan. Secara

tidak langsung ianya berkemungkinan mengakibatkan kegagalan pembinaan identiti dan status yang baik bagi penama. Seterusnya akan berlaku pelanggaran peraturan dan menghilangkan rasa hormat penama terhadap kakitangan.

Pengkaji juga mendapati kakitangan mempunyai masalah di dalam mencapai satu bentuk hubungan yang ideal dengan penama. Setiap kakitangan mempunyai beberapa tugas dan tanggungjawab; mengawasi, membimbang dan melakukan tugas-tugas pejabat. Memandangkan pembahagian tugas yang pelbagai itu maka berlaku pengekalan jarak sosial dengan penama. Tambahan pula dengan peraturan pusat itu juga telah memberi garispanduan mengenai corak perhubungan tersebut. Motif utama jarak sosial penama-kakitangan ialah untuk mencapai bentuk pemulihan yang lebih berkesan. Pembahagian tugas dan peraturan yang menghadkan pergaulan penama-kakitangan hanya akan menimbulkan rasa terasing atau alinasi di kalangan penama.

Berhubung dengan masalah ketegangan hubungan penama-kakitangan pusat ini, beberapa reaksi penama telah menunjukkan rasa tidak puashati mereka melalui pelbagai tindakan yang melanggar peraturan. Menerusi temuduga yang telah dijalankan bersama-sama dengan penama mengenai hubungan mereka dengan kakitangan, pengkaji telah mengkategorikan kakitangan kepada dua jenis iaitu;

- i. kakitangan yang dihormati, kerana bersikap adil dan baik, memahami masalah mereka dan bertolak ansur dalam sesuatu tindakan.
- ii. kakitangan yang tidak dihormati, kerana bersikap lemah semasa menjalankan tugas dan menunjukkan pelbagai kelemahan pada kaca mata penama. Kakitangan yang dibenci kerana terlalu menurut sistem peraturan dan bertindak tegas terhadap penama serta mengenakan stigma dan lebel negatif.

Kriteria yang digunakan oleh para penama untuk mengkategorikan kakitangan di atas adalah melalui sikap, tindakan dan tingkahlaku yang ditunjukkan oleh mereka sepanjang proses pemulihan. Pembahagian kategori tersebut tidak dapat dikemukakan melalui data-data statistik kerana pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan pendapat para penama mengenai seseorang kakitangan itu. Keadaan ini timbul mungkin kerana setiap penama mempunyai pandangan yang berbeda.

Walaupun begitu penilaian penama terhadap kakitangan penting bagi menentukan corak tingkahlaku penama terhadap arahan dan peraturan. Penonjolan personaliti yang baik oleh kakitangan boleh melahirkan hubungan yang baik dan rasa hormat. Dengan kesefahaman yang lahir kakitangan pemulihan bukan sahaja merapatkan jurang perbezaan malah memberi

peluang penama menilai pengalaman masalalunya. Di sini mungkin akan menimbulkan kesedaran dan keinsafan penama.

Manakala bagi golongan kakitangan yang dibenci, sebenarnya telah menimbulkan satu bentuk tekanan internal dan external kepada penama. Bentuk layanan yang buruk seperti tidak bertolakansur, tiada keadilan dan terlalu tegas secara tidak langsung menambahkan kekerapan pelanggaran peraturan.

Personaliti dan identiti yang cuba dibentuk melalui pengalaman baru akan terjejas apabila penama berhadapan dengan kakitangan yang mempunyai jangkaan yang negatif. Ini boleh mengekalkan sifat-sifat mereka sebelum menjalani pemulihian. Sikap negatif seperti agresif, degil, malas dan sebagainya lanjutan dari tekanan boleh mengwujudkan gangguan emosi. Jalinan hubungan yang tidak memuaskan di antara kedua-dua pihak akan mendedahkan penama kepada identiti sosial yang devian. Kakitangan yang mengenakan stigma atau label yang buruk merupakan salah satu faktor pembentukan identiti yang devian itu.

Berdasarkan jadual 12, secara umumnya dapat menyimpulkan bahawa jalinan hubungan di antara penama-kakitangan pusat ini tidak begitu memuaskan. Ramai penama yang memberi jawapan yang tidak dapat diyakini oleh pengkaji, oleh itu kesimpulan tersebut bukan sesuatu yang mutlak. Masalah ini timbul kemungkinan kerana mereka meragui kedudukan pengkaji.

Jadual 12: Jalinan Hubungan Penama Dengan Kakitangan

| Bentuk-Bentuk Hubungan | Penama-Kakitangan | %    |
|------------------------|-------------------|------|
| Sangat baik            | 7                 | 9.9  |
| Baik                   | 15                | 21.1 |
| Benci                  | 39                | 54.9 |
| Tidak tahu             | 10                | 14.1 |
| Jumlah                 | 71                | 100  |

(a) Pergaulan\_Penama\_Terhadap\_Kakitangan

Majoriti penama menyatakan terdapat beberapa bentuk diskriminasi ketika berhubung dengan kakitangan. Tindakan kakitangan pula kerap dikatakan tidak adil dan wajar. Di samping itu teguran yang diberikan lebih berbentuk kritikan yang buruk. Para penama mempunyai pelbagai perasaan terhadap kakitangan seperti takut kerana mereka punya kuasa dan superior, sedih dan marah kerana selalu menerima kata-kata kesat dan kecewa kerana tidak dapat melakukan sesuatu dengan bebas.

(b) Pandangan\_Kakitangan\_Terhadap\_Penama

Penama yang menjalani pemulihan di sini mempunyai berbagai-bagai kedudukan masalah dan ragam. Mereka kerap bertindak di luar peraturan pusat seperti engkar, melawan, menipu dan lain-lain lagi. Oleh itu satu bentuk kawalan yang ketat dan tegas diperlukan untuk mengembalikan mereka kepangkuhan masyarakat dengan keperibadian yang positif.

Di antara kedua-dua pandangan di atas terdapat beberapa kontradiksi. Pengalaman kakitangan menunjukkan bahawa penama harus melalui satu proses pemulihan yang tegas dan rigid. Sebaliknya, penama menilai daripada segi tindakan-tindakan kakitangan yang difikirkan tidak wajar. Bentuk pengalaman awalan penama akan bertindak menentang pengalaman baru yang buruk berdasarkan kehendak mereka. Ini akan melemahkan keberkesanannya proses pemulihan.

#### 4.3 Corak\_Hubungan\_Penama\_Dengan\_Penama

Pembinaan sosial identiti bagi seseorang individu yang perlakuan dan tabiat amnya terbentuk daripada struktur konvensional masyarakat. Walaubagaimanapun kelemahan struktur institusi formal di dalam mengadakan kawalan sosial akan mempengaruhi bentuk perlakuan penama. Lanjutan dari sini pendedahan penama ke dalam satu kelompok pelaku delinkwensi yang mempunyai corak perlakuan dan pandangan yang sama mungkin menjelaskan proses pemulihan.

Secara umumnya proses pemulihan menitik beratkan bentuk hubungan yang lahir di antara penama. Berdasarkan kepada masalah ini maka pusat ini telah mengadakan beberapa tahap atau proses penyesuaian iaitu pertama, tahap suaikenal kedua, tahap klasifikasi dan ketiga, tahap penilaian.

Masalah penyesuaian merupakan fenomena yang biasa dihadapi bagi penama-penama baru. Kedudukan emosi mereka

pada peringkat awal berada di dalam tahap yang kritis. Mereka akan berhadapan dengan berbagai-bagai tekanan dari-pada struktur pentadbiran, peraturan-peraturan, pergaulan dengan rakan-rakan dan situasi pusat yang baru bagi mereka. Pada tahap orientasi (suaikenal), Pengetua pusat akan mem-beri penerangan mengenai tujuan-tujuan perlindungan yang di-berikan dan untuk menimbulkan keyakinan. Jika tahap ini gagal, penama akan menghadapi tekanan fizikal dan mental yang boleh mengganggu kelincinan pembentukan pengalaman baru yang positif.

Pengawalan corak interaksi antara penama baru dan lama harus diawasi bagi mengelakan pembentukan kumpulan-kumpulan kecil (sub-group) yang mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu. Di samping itu menggalakan perhubungan yang baik dan sanggup bekerjasama ke arah menjayakan proses pemulihan.

Hasil daripada pemerhatian dan temuduga pengkaji, mendapati penama tidak mempunayi jalinan hubungan yang rapat antara satu sama lain. Mereka membentuk beberapa sub-group yang berdasarkan atau mewakili kaum, kepentingan dan bentuk perlakuan yang sama. Kerap berlaku percaduhan di antara para penama dan pelanggaran peraturan yang dilakukan secara ber-kumpulan. Ini bermakna bentuk interaksi dan kerjasama yang terjalin hanya untuk mencapai kepentingan dan kepuasan dari keadaan yang tidak selesa dan situasi pusat yang tidak

memuaskan. Kejadian seperti ini adalah lanjutan daripada masalah emosi yang dialami oleh penama.

Penentuan taraf dan kedudukan seseorang penama boleh mempengaruhi bentuk hubungan penama. Setiap taraf dan peringkat ditentukan berdasarkan kemajuan perlakuan dan tempoh pemulihan. Bagi seseorang penama baru akan berada diperingkat 'D'. Status yang diberi secara tidak langsung memberi tanggapan kepada penama peringkat selepas itu bahawa mereka mempunyai status yang lebih tinggi dan memberi peluang untuk bertindak ke atas penama baru. Pengalaman yang tidak sihat ini akan meninggalkan kesan negatif kepada proses pemulihan.

#### 4.4 Kepatuhan Penama Kepada Peraturan Dan Program Pemulihan

Lazimnya institusi perlindungan atau pemulihan mempunyai matlamat membentuk kembali personaliti dan aliran perlakuan penama sesuai dengan kehendak umum. Pusat ini mempunyai beberapa tingkat proses pemulihan menurut keperluan dan jangkamasa yang berbeza; pertama, peringkat pentafsiran, kedua, peringkat perancangan dan ketiga, peringkat penilaian. (Bartollas & Miller; 1978: 191-193)

Dalam peringkat pentafsiran ialah tahap di mana penentuan model rawatan ditentukan berdasarkan kesesuaian emosi dan latarbelakang penama. Pada peringkat ini interaksi

penting bagi menjayakan latihan vokesyenal dan akademik. Setelah kedua-dua model diperolehi penentuan program pemulihan dan rawatan disusun. Manakala bagi peringkat penilaian pula merupakan tahap terakhir dalam proses pemulihan. Bentuk-bentuk pemulihan yang telah dikenalpasti seperti; latihan kemahiran, proses pembentukan akhlak dan latihan fizikal.

Untuk menilai keberkesanan proses pemulihan tidak harus diketepikan sejauhmana penerimaan penama terhadap program yang ada. Oleh itu beberapa sudut perlu dilihat ;

- i. darjah penerimaan atau minat yang ditunjukan.
- ii. jenis-jenis pelanggaran peraturan yang dilakukan semada dalam perlindungan.
- iii. penilaian dan pandangan penama terhadap peraturan dalam program pemulihan.

Melalui jadual 13, menunjukkan bagaimana hubungan penama dengan program pemulihan. Memandangkan terdapat beberapa aktiviti yang menjadi program pemulihan maka pengkaji hanya menggolongkannya kepada empat kategori sahaja.

Jadual 13: Darjah Minat Terhadap Program Pemulihan Yang Disertai

| Jawapan         | Jenis-jenis Program |    |    |    | Jumlah Kecil | % Kecil |
|-----------------|---------------------|----|----|----|--------------|---------|
|                 | 1                   | 2  | 3  | 4  |              |         |
| Sangat berminat | 5                   | 29 | 6  | 9  | 49           | 17.2    |
| Berminat        | 27                  | 11 | 11 | 13 | 69           | 24.3    |
| Tidak berminat  | 20                  | 9  | 27 | 33 | 89           | 31.2    |
| Tiada jawapan   | 19                  | 15 | 27 | 16 | 77           | 27.1    |
| Jumlah besar    | 71                  | 71 | 71 | 71 | 284          | 100     |

- Catitan : 1. Pendidikan akademik dan latihan vokesyenal.  
2. Riadah  
3. Agama dan moral  
4. Kaunseling

Sikap penama terhadap latihan dan program pemulihan menunjukkan kesan yang positif. di mana 41.6 peratus menyatakan minat mereka terhadap program pemulihan dan hanya 31.3 peratus yang tidak berminat. Latihan vokesyenal dan akademik serta riadah lebih digemari, ini berkemungkinan program tersebut dapat mengurangkan rasa bosan dan satu kemahiran baru yang menarik. Ini boleh melupakan penama kepada perkara-perkara masalalu dan tekanan di dalam pusat ini. Program kaunseling tidak menarik bagi penama kerana mereka telah menggolongkan pegawai kaunseling sebagai salah seorang penguatkuasa peraturan.

Sudut kedua ialah kekerapan pelanggaran peraturan di kalangan penama. Kepatuhan kepada peraturan-peraturan telah mendapat perhatian beberapa orang pengkaji. Sebagai seorang individu yang telah dilabelkan sebagai pesalah maka pelanggaran peraturan telah menjadi lumrah. Berdasarkan temuduga yang dilakukan kepada kakitangan pusat, didapati bahawa penama kerap melanggar peraturan seperti mlarikan diri, degil, bergaduh, merokok dan sebagainya. Masalah ini lanjutan daripada corak hubungan penama dengan penama dan penama dengan kakitangan.

Jadual 14 menunjukkan bagaimana perasaan penama ketika berada di dalam pusat yang boleh dikaitkan dengan pelanggaran peraturan. Bagi penama yang menyatakan benci dan tidak tahan serta ingin keluar segera dari pusat mempunyai kemungkinan besar melakukan pelanggaran peraturan yang kerap. Namun begitu terdapat sebilangan penama yang menyedari kepentingan pemulihan dan beranggapan ianya mempunyai faedah. Golongan ini membentuk satu kumpulan penama yang berasingan daripada penama lain. Perlakuan mereka amnya mempunyai pertentangan dengan kumpulan penama yang bersikap negatif terhadap proses pemulihan.

Di samping itu secara perbandingan boleh dilakukan untuk menilai kepatuhan penama dengan peraturan institusi melalui data Lapuran Tahunan Pusat 1985. Seramai 23 orang penama telah berjaya mlarikan diri sepanjang tahun 1985.

Masalah ini timbul kerana sikap mereka yang gagal dibentuk secara positif. Jadual 15, menyatakan kedudukan penama yang melarikan diri sepanjang tahun 1985.

Jadual 14: Perasaan Penama Ketika Berada Di Pusat

| Jawapan              | Jumlah Kecil | %          |
|----------------------|--------------|------------|
| Gembira              | 13           | 18.3       |
| Hendak keluar segera | 18           | 25.4       |
| Tidak tahan/benci    | 21           | 29.6       |
| Lain-lain            | 19           | 26.8       |
| <b>Jumlah besar</b>  | <b>71</b>    | <b>100</b> |

Jadual 15: Penama Yang Melarikan Diri (1985)

| Bil. dlm.<br>Pelarian                                   | Melayu | Cina | India | Jumlah |
|---|--------|------|-------|--------|
| Bil. masih dlm.<br>pelarian di-<br>akhir tahun 1984     | 2      | 5    | -     | 7      |
| Bil. pelarian<br>dlm. tahun 1985                        | 13     | 10   | -     | 23     |
| Bil. ditangkap<br>kembali                               | 7      | 3    | -     | 10     |
| Bil. tamat tempoh<br>perintah mahkamah<br>dlm. pelarian | 2      | 4    | -     | 6      |
| Bil. masih dlm.<br>pelarian di akhir<br>tahun 1985      | 6      | 8    | -     | 14     |

Di antara penama yang berjaya diberkas semula di dalam pelarian telah menyatakan sebab-sebab mereka berbuat demikian:

- i. tidak tahan atau benci dengan keadaan pusat
- ii. tidak menerima layanan yang baik daripada kakitangan
- iii. mempunyai pergaulan yang terbatas dan ada kesempatan melarikan diri.

Adalah dipercayai, penama yang mempunyai pengalaman masalalu seperti pergaulan yang bebas, inginkan keseronokan dan sebagainya mempunyai kemungkinan yang besar untuk melarikan diri. Mereka ini mengalami masalah di dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pusat. Cara hidup yang rigid dengan jadual harian menyebabkan mereka merasa gelisah dan bosan. Seterusnya perbezaan yang besar antara pengalaman masalalu dengan pengalaman baru boleh mengwujudkan konflik terutama dari segi emosi. Kesan yang lebih buruk berlaku apabila penama yang melarikan diri terlibat semula dengan keruntuhan akhlak.

#### 4.5 Pengalaman\_Kerosakan\_Akhlik\_Melalui\_Pemulihan

##### (a) Aktiviti\_Harian

Secara umumnya, penama menghadapi satu perubahan dalam gaya hidup sebelum ini (normal) berbanding dengan semasa diberi perlindungan. Setiap perlakuan dan aktiviti sentiasa diawasi dan disusun menurut keperluan pusat. Berhubungan dengan itu ada di antara penama yang menilai aktiviti harian hanya untuk memenuhi masa lapang dan tiada mempunyai faedah tertentu. Mereka seterusnya bersikap negatif di dalam memenuhi aktiviti tersebut dan mencari alternatif lain untuk mencapai kepuasan.

Satu langkah baik bagi mengurangkan tindakan dan pertentangan penama ialah dengan mengadakan perbincangan mengenai masalah-masalah tertentu. Ini dilakukan dengan minta pandangan penama untuk membaiki atau menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh penama.

Untuk membina personaliti yang membina, pusat ini telah menyediakan beberapa bentuk latihan kemahiran yang bertujuan mendedahkan penama kepada 'occupational therapy', dan untuk mengisi masa lapang. Walaupun begitu proses pemulihan yang memperlihatkan diskriminasi wujud di dalam menilai kemajuan atau pencapaian seseorang penama. Kemajuan diukur bukan sahaja dari tempoh pemulihan malah hasil tindak balas penama terhadap aktiviti pemulihan juga.

Bagi penama yang berjaya menghasilkan barang yang berbentuk fizikal dianggap telah mencapai 'kemajuan'. Dari sini kemungkinan timbul perasaan kecawa di kalangan penama yang menjalankan aktiviti yang tidak dapat menghasilkan sesuatu yang boleh diukur dengan mata kasar atau menghadapi sesuatu masalah.

(b) Sistem Keistimewaan Pusat

Pusat perlindungan mempunyai beberapa keistimewaan yang berbentuk ganjaran dan hukuman. Keistimewaan yang diberi ialah :

- i. lapuran kemajuan yang baik dan menerima sokongan apabila menurut semua peraturan dan arahan.
- ii. kebenaran bercuti setelah setahun menjalani pemulihan.
- iii. kebenaran menulis dan menerima surat dan pelawat.
- iv. peluang membeli-belah atau berkelah.

Di samping itu terdapat dua bentuk hukuman yang dikenakan kepada penama yang melanggar peraturan iaitu;

- i. penarikan keistimewaan dan dikenakan hukuman yang sah menurut peraturan pusat. (corporal punishment)

ii. hukuman yang tidak dibenarkan (tidak sah) dan tidak direkodkan. Deraan ini berbentuk fizikal dan vokal.

Setiap penama telah mempunyai pengetahuan mengenai ganjaran atau bentuk hukuman yang akan diterima jika berkejadian baik atau sebaliknya. Pengalaman baru di pusat yang dipelajari oleh penama melalui sistem ini boleh membentuk proses pemulihan secara tidak langsung. Namun begitu tindakan yang diambil diluar jangkaan penama pula akan meninggalkan pengalaman yang negatif.

## BAB V

### PENILAIAN DAN PENUTUP

Dari apa yang telah dikemukakan, pengkaji akan membuat penilaian ringkas mengenai keberkesanannya proses pemulihan lanjutan dari pengaruh pengalaman-pengalaman penama. Pada hakikatnya, matlamat setiap rancangan pemulihan adalah untuk merawat dan memulihkan individu yang telah menyeleweng dari jangkaan masyarakat. Oleh itu arah proses pemulihan ialah untuk mengembalikan penama yang telah terlibat dalam masalah sosial ke pangkuhan masyarakat. Dengan disertai oleh satu set identiti dan status yang positif.

Seperti yang telah dinyatakan pengalaman penama boleh dibahagikan kepada dua peringkat; pertama, pengalaman awalan (sebelum diberi perlindungan) dan kedua, pengalaman ketika mengikuti proses pemulihan. Dalam BAB III dan IV kedua-dua jenis pengalaman itu akan membentuk satu set perlakuan dan tindakbalas yang positif atau negatif.

Setiap pengalaman itu dipelajari melalui pelbagai elemen yang terdiri dari faktor dalaman dan luaran. Dalam keadaan ini penama yang ingin dipulihkan mesti diberi pendedahan dan peluang mempelajari pengalaman-pengalaman yang dapat menolak pengalaman yang bercorak keruntuhan akhlak.

### 5.1 Kategori Penama Kesan Dari Proses Pemulihan

Memandangkan penama yang dimasukkan ke dalam pusat ini mempunyai pelbagai perbezaan latarbelakang, perlakuan delinkwensi dan sebagainya, maka sudah pasti terdapat kesan terhadap pencapaian proses pemulihan itu sendiri. Pengkaji telah membahagikan penama kepada tiga golongan iaitu;

- i. menerima proses pemulihan dengan baik; menginsafi kesalahan-kesalahan masalalu dan memahami matlamat rancangan pemulihan.
- ii. menolak dan menentang proses pemulihan; menyalahkan orang lain di atas kesalahan yang mereka lakukan.
- iii. penama yang masih berada di dalam persimpangan; tidak memahami proses pemulihan kerana masih kabur tentang kesalahan yang mereka lakukan.

Golongan pertama, terdiri daripada penama yang mempunyai pengalaman masalalu yang buruk akibat dari kecuaian diri sendiri. Penglibatan mereka dalam perlakuan delinkwensi adalah kerana terpengaruh, terpedaya dan dipaksa oleh orang-orang tertentu di luar lingkungan keluarga. Di samping itu hasil daripada rancangan pemulihan telah menimbulkan kesedaran mengenai keburukan perlakuan mereka masalalu. Penyertaan ibubapa atau penjaga melalui lawatan dan kiriman surat

memungkinkan timbulnya rasa 'masih disayangi' atau 'diterima'. Faktor-faktor di atas akan memberi sokongan kepada melahirkan pengalaman baru yang positif. Ini memberi kesan yang positif kepada matlamat pusat ini.

Golongan kedua, merupakan golongan yang berkemungkinan sukar untuk dipulihkan. Pengalaman masalalu dan keadaan proses pemulihan seterusnya membangkitkan personaliti yang buruk. Mereka ini terlibat di dalam delinkwensi kerana kekurangan 'self-need' dan merasa seronok dengan perlakuan itu. Ketika melalui proses pemulihan timbul masalah penyesuaian akibat pengalaman penama dan kakitangan yang berbeza, cara hidup yang di luar jangkaan penama dan tiada sokongan dari ibubapa atau penjaga. Di sini penama akan terus mengalami 'kesempitan', dimana pengalaman masalalu akan bertentangan dengan pengalaman di pusat ini yang akan melahirkan konflik seterusnya memberi kesan yang negatif kepada proses pemulihan.

Golongan ketiga, berada di antara kategori pertama dan kedua. Penama yang tergolong di dalam kategori ini umumnya tidak memahami matlamat rancangan pemulihan dan hanya menurut arahan sahaja. Ini boleh timbul kerana kurangnya pengetahuan mengenai kewujudan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973. Semasa menjalani pemulihan penama akan mempunyai dua alternatif samada kembali ke pangkuhan

masyarakat atau melibatkan diri semula di dalam delinkwensi itu. Dua bentuk pengalaman yang berbeza akan dialami, oleh itu bentuk pengalaman yang kuat akan mempengaruhi pilihan penama. Dengan kata lain, jika rancangan pemulihan berkemampuan membina satu set pengalaman yang kuat akan mendorong penama berkelakuan seperti yang dijangkakan.

Jadual 16: Rancangan\_Penama\_Selepas\_Dibebasan

| Bil.                   | Jangkaan | Jenis rancangan penama      | Jumlah Kecil | %    |
|------------------------|----------|-----------------------------|--------------|------|
|                        |          | #Berkahwin                  | 2            | 4.3  |
| 1. Positif             |          | Kembali kepada keluarga     | 11           | 15.5 |
|                        |          | #Mencari pekerjaan          | 9            | 12.7 |
| 2. Negatif             |          | #Mencari rakan/teman dahulu | 13           | 18.3 |
|                        |          | Lari dari jagaan            | 10           | 14.1 |
| 3. Positif/<br>Negatif |          | Kembali kpd. pekerjaan lama | 7            | 9.9  |
|                        |          | Tiada jawapan/tidak tahu    | 17           | 23.9 |
| Jumlah besar           |          |                             | 71           | 100  |

# Terdapat jangkaan yang berbeza tetapi di dalam kategori jangkaan yang sama. Oleh itu pengkaji mencari yang paling sesuai.

Jadual 16, menunjukkan bahawa jangkaan penama yang mempunyai rancangan masa depan yang positif ialah 32.4 peratus. Manakala bagi jangkaan penama yang mempunyai rancangan yang negatif pula sejumlah 42.3 peratus. Ini bermakna bahawa lebih ramai penama yang gagal menerima rancangan pemulihan. Namun begitu peratusan bagi jangkaan penama yang positif tidak boleh dibuat kesimpulan matlamat kerana terdapat penama yang berbohong. Oleh itu keberkesanan proses pemulihan masih berada pada tahap yang lebih rendah.

Proses pemulihan juga tidak akan meninggalkan kesan yang memuaskan tanpa kerjasama ibubapa dan penjaga penama. Salah satu matlamat pemulihan ialah untuk melahirkan semula integrasi penama dengan keluarganya. Tanpa sokongan kumpulan primary ini penama akan berada di dalam situasi yang tidak seimbang kerana merasai seperti telah tersisih dari keluarganya.

Menerusi jadual 17, menunjukkan bagaimana hubungan penama dengan ibubapa atau penjaga semasa menjalani proses pemulihan. Jalinan hubungan kedua-dua pihak dilihat daripada kadar lawatan dan kiriman surat.

Jadual 17: Jalinan Hubungan Penama-Ibubapa/Penjaga  
Semasa Pemulihian

| Kadar       | Lawatan | %    | Penerimaan Surat | %    |
|-------------|---------|------|------------------|------|
| Kerap       | 9       | 12.7 | 17               | 23.9 |
| Kadang-kala | 37      | 52.1 | 43               | 60.6 |
| Tiada       | 25      | 35.2 | 11               | 15.1 |
| Jumlah      | 71      | 100  | 71               | 100  |

Secara perbandingan kadar kiriman surat mempunyai peratusan yang lebih tinggi daripada kadar lawatan. Kemungkinan perbezaan ini kerana kedudukan ibubapa atau penjaga yang jauh dari pusat ini. Dan pihak pusat menetapkan tempoh sesuatu lawatan yang ingin dibuat.

Secara umumnya jalinan hubungan penama dan keluarga berada pada tahap yang rendah. Kerenggangan hubungan ini meninggalkan kesan yang negatif apabila mereka dibebaskan kelak.

## 5.2 Kelemahan Institusi Dalam Membentuk Pengalaman Positif

Jika ditinjau dari sudut institusi, terdapat beberapa kelemahan di dalam menolong penama membentuk satu set pengalaman yang baik. Pertama, disebabkan oleh sifat institusi dan program pemulihan. Kedua, disebabkan oleh wujudnya jurang atau perbezaan pengalaman, status dan jangkaan penama-kakitangan. Ketiga, kurangnya sokongan ibubapa atau keluarga serta label yang dikenakan oleh masyarakat lanjutan dari sifat institusi ini.

Di dalam BAB IV, menunjukkan bagaimana pusat ini yang bersifat 'total institution' telah membentuk beberapa pengalaman personaliti penama. Secara keseluruhan pengalaman di dalam institusi yang negatif akan menghasilkan penerusan perlakuan yang berdasarkan pengalaman masalalu.

Program pemulihan secara tidak langsung atau langsung mendapati sambutan yang rendah dari para penama. Bentuk aktiviti dan program yang disediakan tidak dapat memenuhi atau mencukupi untuk mengenepikan pengalaman masalalu. Misalnya, latihan kemahiran punyai nilai yang rendah daripada segi hasil pendapatan jika dibandingkan dengan kemewahan hasil daripada pelacuran dan lain-lain.

Kerenggangan jalinan hubungan penama-kakitangan tidak boleh dinafikan berlaku di dalam pusat ini. Punca masalah ini ialah kerana peraturan yang dikenakan pada penama

dan kakitangan. Jelas pembatasan peranan kedua-dua pihak melahirkan perbezaan matlamat.

Selain dari itu, masyarakat pula menilai pusat ini sebagai 'sekolah budak jahat'. Masyarakat lebih cenderung melabelkan penama sebagai seorang pesalah (penjenayah) yang telah melanggar undang-undang jenayah. Keadaan ini bertambah buruk apabila ibubapa atau penjaga tidak mengambil daya usaha membantu penama semasa proses pemulihan. Kelemahan yang berlaku di peringkat ini telah memberi satu pengalaman baru yang lemah untuk menjayakan proses pemulihan.

### 5.3 Penutup

Berdasarkan kepada penguraian di atas, penelitian mengenai pengalaman penama amat penting di dalam usaha-usaha pemulihan. Setiap tindaktanduk, perlakuan dan tindakbalas penama adalah menurut pengalaman yang diperolehi pada sesuatu masa atau tempat.

Tidak wajar kiranya kelemahan proses pemulihan hanya disalahkan atau dibebankan kepada pihak pentadbiran pusat sahaja. Ini kerana untuk memenuhi matlamat konsep pemulihan memerlukan sokongan dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat dalam membentuk sesuatu masyarakat itu.

## BIBLIOGRAFI

Adam G.A. & Gullotta T.

Adolescent Life Experiences, Brooks Cole Publisher,  
California, 1983

Akers, Renold L.

Deviant Behaviour : A Social Learning Approach  
Wadsworth Publisher, California, 1973.

Bandura Albert

AGGRESSION: A Social Learning Analysis, Prentice and  
Hall, New Jersey, 1973.

Bartollas, Clemens & Stuart J. Miller

Correctional Administration: Theory and Practice,  
McGraw Hill, Inc. 1978

Bean, Philip

Rehabilitation and Deviant, (2nd. Edition),  
Routledge and Kegan Paul Ltd., 1976.

Carney, Louis B.

Corrections: Treatment and Philosophy,  
Prentice Hall, Inc., New Jersey, 1980.

Coffey, Alan B

Juvenile Corrections: Treatment and Rehabilitation,  
Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey,  
1975.

Denzin, Norman K.

Childhood Socialization, Jossey Bass Publishers,  
San Francisco, 1977.

Duffee, David

Correctional Policy and Prison Organization,  
Sage Publishers Inc., New York, 1975

Eldefonso, Edward & Walter Hartinger

Control, Treatment and Rehabilitation of Juvenile  
Offenders, McMillan Publishers, London, 1976.

Ericson R.V.  
Young Offenders and Their Social Work, Soaxax House  
Studies, London, 1975.

Festinger, Katz & Daniel  
Research Methods In The Behaviourial Sciences,  
New York, 1966.

Goode & Halt  
Method In Social Research, McGraw Hill, Kogakuska,  
1952.

Giallombardo, Rose  
Juvenile Delinquency, A Book of Reading,  
(2nd Edition) John Wiley & Sons, New York, 1972.

Gibbons D.D.  
Delinquent Behaviour, Prentice Hall, Inc.,  
New Jersey, 1970

Haskel M.R., & Yablonsky L.  
Juvenile Delinquency, (3rd Edition), Houghton  
Mifflin Co. Boston, 1982.

Hurst, Charles E.  
The Anatomy of Social Inequality, The C.V. Mosby  
Co., London, 1979.

Jakman N.R. Richard O'Toole & Gilbert Geis  
The Self-Image of The Prostitute, Sociologycal  
Quarterly, 1963.

Ford C. & Beach F.  
Patterns of Sexual Behaviour, Paul Hoeber, New  
York, 1951

Mohd. mansur Bin Abdullah  
Kearah Sistem Tolongbantu Masakini, Penerbitan  
Tratra, Kuala Lumpur, 1984.

- Mussen P., Paul Henry  
The Psychological Development of The Child, (2nd Edition) Englewood Cliffs, Prentice Hall, New Jersey, 1964.
- Nattingham, Elizebert K.  
Agama\_dan\_Masyarakat, Sebuah Pengantar Sosiologi Agama, Jakarta, 1954.
- Paul B. Horton & Chester L. Hunt  
Sociology, (3rd Edition), McGraw Hill, Kogakuska Ltd., Tokyo, 1972.
- Raab, Earl  
Major\_Social\_Problem, Evanston III Row, Peterson, 1959.
- Robert A. Goodale & Elaine Ruth Goldberg  
Experiencing Psychology, Science Research Association, Inc., Chicago, 1978.
- Sanford, Jeremy  
Prostitution, London, Abacus Books, 1977
- Sellitis, Claire and Com.  
Research\_Method\_In\_Social\_Relations, New York, 1959.
- Sheldon & Elenon Clueck  
Family\_Environment\_and\_Delinquency, Routledge and Kegan Paul, London, 1962.
- Thio, Alex  
Deviant\_Behaviour, (2nd. Edition), Boston, Houghton Mifflin, 1983.
- Thompson & De Bold  
Psychology\_A\_Systematic\_Introduction, McGraw Hill, New York, 1971.

- Trojanwicz, Robert C.  
Juvenile Delinquency: Concept and Control,  
(2nd. Edition) Prentice Hall, Inc., Englewood, New Jersey, 1978.
- Winick, Charles & Paul M. Kirsie  
The Lively Commerce: Prostitution In The United States, Chicago, Quadrangle Books, 1971.
- Wolfgang, Marvin E., Leonard Savitz, & Norman Johnston  
The Sociology of Crime and Delinquency, John Wiley and Sons, Inc., New York, 1968.
- Vernon, Fox  
Introduction to Correction, (2nd. Edition), Prentice Hall, Inc., New Jersey, 1977.
- Wan Azmi Ramli  
Dasar Sosial Di Malaysia, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982.
- Latihan Ilmiah
- Samsiah Abdullah  
Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Budak-Budak Perempuan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sociology, Universiti Malaya, 1977.
- Rama Devi Padmanabhan  
The Custodial Experiences as Stigma: Perceived Views on Marriagability and Companionship by Resident of The Women and Girls Protection Center, Ceras. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sociology, Universiti Malaya, 1982/83.